

Rasalah degup jantung rakyat, bacalah

NADI INSAN

NOVEMBER 1982

KDN 0167/82 ISSN 0126-9369

50 SEN SAJA

43

PRESTASI EKONOMI



KALAU DILIHAT DARI
SEGI INI, KEADAAN
EKONOMI BERTAMBAH
BAIK!

KRISIS EKONOMI

- Belanjawan Untuk Orang Kaya
- Media Massa Bukan Milik Massa
- Hak Orang Asli Dirampas?
- S. Husin Ali : Kemelesetan Ekonomi
- Pemodenan China : Sosialis Atau Kapitalis?
- Israel Membunuh Bashir Gemayel?
- Gambar-Gambar Pembunuhan Sabra dan Chatila

Mohd
Rashid Ahmad



Kayu Balak: Hak Orang Asli Dirampas

Kawasan yang diwartakan sebagai Kawasan Orang Asli di Bukit Seruk, Pahang Tenggara telah diceroboh oleh sebuah syarikat kayu balak. Kerana tindakan ini diambil tanpa kebenaran penduduk-penduduk kampung itu, Orang Asli kampung itu terpaksa mengambil langkah untuk membela hak dan kepentingan mereka.

Mengikut laporan akhbar, sekumpulan Orang Asli memberitahu para pekerja syarikat tersebut bahawa mereka tidak dibenarkan memindahkan kayu-balak ke kilang papan walaupun diizinkan menebangnya.

Keluarga Orang Asli Kampung Bukit Seruk menuntut supaya syarikat berkenaan membekalkan kemudahan asas seperti elektrik, air dan jalanraya kepada rakyat kampung itu sebagai gantri.

Seorang jurucakap Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia, Encik Akim bin Buntat memberitahu para pemohon untuk membalaikawasan tersebut yang diminta oleh salah seorang batin (ketua) kira-kira dua tahun lalu telah ditolak oleh kerajaan negeri Pahang.

Namun demikian, kaum Orang Asli mendapat tahu bahawa sebuah syarikat balak dari Labis, Johor berjaya mendapat lesen balak di kawasan itu. Mengikut seorang ahli jawatankuasa pembangunan dan keselamatan kampung itu, Encik Hamzah bin Eya Sing, penduduk kampung Bukit Seruk telah tertipu pada tahun 1980 apabila mereka penduduk kampung Bukit Seruk telah tertipu pada tahun 1980 apabila mereka dijanji \$55,000 dari keuntungan suatu projek pembalakan dekat kawasan itu. "Apabila projek itu tamat, kami hanya diberi lebih kurang \$32,000 sahaja."

Orang Asli Bukit Seruk, yang selalu diabaikan, kini

mendesak supaya tuntutan mereka dilayan bagi mengelakkan dari tertipu sekali lagi; mereka tidak mahu wang sebagai ganti-rugi.

"Sebab itulah, dalam tuntutan ini, kami hendakkan syarikat kayu-balak ini membina sebuah jalanraya yang baik, bekalan air dan elektrik. Kami tidak minta satu sen pun," ujar seorang ketua kampung, Encik Tapis bin Mat Aris.

Menurutnya, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Encik Kassim Ahmad telah membincangkan masalah ini dengan Persatuan Orang Asli Semenanjung pada bulan September lalu.

Encik Kassim telah mengarahkan Jabatan Orang Asli menyiasat perkara ini dan mendapat bahawa pemberian lesen kepada syarikat kayu balak di kawasan-kawasan begitu adalah "Sah" kerana di bawah Akta Hutan Rimba, segala bahan mentah butiran, termasuk yang terdapat di perkampungan Orang Asli, adalah kepunyaan kerajaan negeri.

Bagaimanapun, Encik Kassim berpendapat bahawa syarikat itu mampu membekalkan kemudahan-kemudahan yang dipinta dari hasil balak yang di perolehnya.

"Syarikat itu mesti membuat satu perjanjian bertulis," tegas seorang batin, Osman Abdullah. Jika tidak, 500 orang penduduk akan menyekat pemindahan 1,000 tan balak. Syarikat itu enggan membuat sebarang perjanjian bertulis, sebab perbelanjaannya dikatakan terlalu tinggi.

Seorang lagi batin menyatakan hakikat bahawa, meskipun balak itu di kawasan Orang Asli, mereka tidak mendapat apa-apa faedah. Mereka telah ketinggalan pembangunan.

"Kampung kami dikendalikan oleh Jabatan Orang Asli selama 28 tahun tetapi kami belum lagi menikmati projek-projek pertanian bagi membantu pendapatan kami yang masih rendah."

Surat Dari Pembaca

Pandang Ke Timur

Pemerhati Kemajuan, Gombak, K.L. Dr. Mahathir menggesa rakyat Malaysia supaya mencantohi pekerja-pekerja Jepun. Beliau menyanjung tinggi etika kerja Jepun di mana, kononnya, para pekerja sanggup bekerjasama dengan pihak majikan sehingga menjadikan ekonomi Jepun sangat maju.

Semangat kerjasama dan perasaan muhibah di antara golongan pekerja dengan pihak majikan, menurut Dr. Mahathir, adalah satu sebab utama yang menjadikan Jepun sebuah negara makmur, dan ini pula telah mendorong Dr. Mahathir menyeru supaya rakyat Malaysia memandang Ke Timur. Apakah kaum pekerja Jepun benar-benar bekerjasama dengan pihak majikan sehingga kepentingan mereka diketepikan demi kebaikan syarikat?

Mengikut laporan Workers International Newsletter, pekerja-pekerja tidak tahu tentang pergolakan kelas yang berlaku di Jepun. Dalam bulan lalu, 3 juta ahli Kesatuan Sekerja Keretapi Kebangsaan, yang disokong oleh 7 juta pekerja lain, telah menghentikan semua perkhidmatan keretapi, akibat suatu mogok selama 3 hari.

The Worker, London, (4hb. April 1976) pula memberitahu: "Dalam bulan Mac, kaum pekerja menunjukkan perpaduan dalam menentang majikan dan kerajaan, dan telah berjaya mendapat gaji yang sesuai dengan inflasi yang kian meningkat.

"Lebih dari 6 juta pekerja telah mogok hingga menghentikan semua pengangkutan awam dan beberapa perkhidmatan seluruh negeri selama seminggu."

"Mogok-mogok ini bukanlah kerana menuntut gaji sahaja tetapi juga berkenaan dengan isu hak mogok bagi kaki-tangan perkhidmatan awam. Lebih 20 tahun dahulu, hak itu telah dirampas. Sekarang pekerja-pekerja Jepun sedang menuntut hak-hak tersebut.

"Berlawanan dengan gambaran yang disembahkan oleh

media massa Barat, kelas pekerja Jepun tidak puashati menyatakan kepentingannya kepada kehendak syarikat. Sebenarnya mereka ingin bersatu dan membela kepentingan kelasnya."

Kecenderungan inilah yang dicantohi oleh pekerja-pekerja negeri ini.

Alias Hj. Yusuf, Johor Baru: Sejak Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengistiharkan dasar Pandang Ke Timur, saya telah banyak memikirkannya. Saya hairan apakah yang begitu menakjubkan tentang orang Jepun. Kita harus memandang perkara ini secara rasional dan kritikal.

Mereka yang pernah menderita pemerintahan Jepun tidak akan melupakan betapa kejamnya orang Jepun pada masa itu. Kekejaman yang dilakukan oleh Jepun ketika mereka menduduki China dan Korea adalah kenyataan sejarah.

Mungkin, para penyokong sikap Pandang Ke Timur akan menyeru supaya kita lupakalah peristiwa yang silani agar dapat belajar dari Jepun kini yang telah mencapai satu kejayaan cemerlang.

Akan tetapi, hakikat sebenarnya ialah para pelabur dan peniaga Jepun adalah tamak, angkuh dan angkuh apabila mereka bermiaga.

Di Jepun, sehingga ini, mereka masih mengamalkan diskriminasi terhadap pekerja Korea dalam perkara jawatan, gaji dan kenaikan pangkat.

Pegawai Jepun yang berkahwin dengan wanita Korea akan dipandang rendah. Beribu-ribu orang Korea yang bekerja dengan teruk sejak tahun-tahun 1930an masih dinafikan hak kerakyatan dan dilayan sebagai rakyat kelas ketiga.

Para kapitalis Jepun, yang konyonnya melayan kaum pekerja Jepun dengan hormat setaraf, dengan memberikan latihan, kemudahan kebijakan dan banyak faedah-faedah lain, tidak bersikap begitu apabila mereka melabur di negara-negara asing, khasnya di Asia Tenggara.

Nobel

Laureate: Gabriel Garcia Marquez

Economic Recession: Future Bleak

Lester Thurow of the Massachusetts Institute of Technology summarises the scenario of "the entire world trapped in a prolonged period of zero economic growth".

Writing in the *Washington Post*, he says: "British industrial production is below where it was 10 years ago. US economic growth stopped in 1979. The West German economy has not grown for two years. Japanese industrial production has been stagnant for a year.

"There is no country in the world, communist or capitalist, that has a strong growth rate. For all practical purposes the world economic engines have been shut down."

Thurow then throws cold water on predictions of a quick recovery because the US economy is stuck in a situation of structural recession.


His concluding paragraphs are worth quoting in full.

"Mr Reagan points to the stock market to bolster his arguments that 'make no mistake, America is recovering bound.'

"Question: Why do you suppose President Hoover said recovery was just around the corner in the spring of 1931?

"Answer: The stock market had risen almost 20 per cent in the first eight weeks of 1931.

"The Reagan administration first said a recovery would occur in the fall of 1981, then in the fall of 1982, now in the spring of 1983. As in 1931, recovery is always just around the corner, but forever fading out of sight."



Kacang Lupukan Kulit: Biasiswa NUPW

Satu tabung biasiswa bagi penuntut-penuntut universiti yang ditubuhkan oleh Kesatuan Kebangsaan Pekerja Ladang (NUPW) terpaksa dibatalkan pada tahun depan oleh kerana kehabisan wang.

Setiausaha agung NUPW telah menyalahkan bekas biasiswa yang enggan membayar balik setelah mereka mendapat gaji yang lumayan. "Kami telah meminjam sebanyak \$702,524 kepada seramai 165 orang, tetapi hanya \$16,500 dapat dikembalikan," katanya.

Setengah dari mereka sedang hidup senang sekarang mempunyai kereta besar dan bilik pejabat yang mewah. Mereka yang mungkir janji termasuk 9 orang doktor, 2 doktor haiwan, 2 doktor gigi,

12 akauntan dan hampir 60 orang lain yang berijazah.

Seorang jurucakap NUPW berkata, "Kami bukanlah meminta mereka membayar sekaligus, walaupun ramai mereka mampu berbuat demikian. Mereka hanya dikehendaki membayar \$50 sebulan tanpa bunga." Pihak NUPW telah putus asa mendapatkan wang itu kembali.

Tabung biasiswa ini mendapat sumbangan dari tiap-tiap anggota NUPW yang memberi seringgit sebulan. Wang itu juga digunakan untuk membeli pakaian sekolah dan memperbaiki sekolah tadika estet. Kini tabung itu tidak dapat diputarkan lagi sebab tiada duit untuk diputarkan.

Pak Rashid Ahmad: Pembela Pak Tani



N.I.: Pak Rashid, sila nyatakan sikit tentang latar belakang Pak sebelum menceburkan diri dalam Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia (PKPKM)

R.A.: Mulai tahun 1939, saya menjadi seorang pegawai pertanian di Pahang selama hampir 10 tahun di mana saya pun dapat mengetahui keadaan orang kampung dan kehidupan mereka. Sebelumnya, saya ditawar menjadi seorang guru di Sekolah Pertanian, Serdang (kini UPM), tetapi saya menolak kerana saya belum memperolehi apa-apa pengalaman tentang pertanian.

Selaras Perang Jepun tamat pada 1945, saya menerima jemputan untuk bersyarah di tempat itu. Saya mengajar tentang tanaman-tanaman utama, seperti padi, getah, dsb., dan dalam itu, saya menekankan latihan praktik setiap penuntut dalam serba-serbi hal pertanian.

Misalnya, saya mestikan tiap-tiap penuntut itu menanam padi atau menoreh getah sebab saya percaya bahawa tidak ada gunanya kita mengeluarkan orang yang mempunyai kepandaian di sekolah tetapi tidak ada pengalaman praktik.

Pada 1955, saya meletak jawatan untuk bertanding dalam pilihanraya di bawah bendera parti Negara pimpinan Datuk Onn Jaafar tetapi gagal. Seterusnya saya menjadi engurus sebuah syarikat besi di Trengganu lebih kurang 7 bulan. Kemudian saya dipanggil balik untuk mengajar di Serdang, yang sudah dinamakan Maktab Pertanian.

Saya telah berhenti sekali lagi pada 1969 untuk mencari lapangan baru dan bekerja dengan sebuah kilang padi. Bagaimanapun saya dipanggil balik ke Serdang pada 1971 untuk merancangkan penukaran maktab itu kepada universiti. Saya bertugas sebagai pengarah ladang di mana keluasan ladangnya telah meningkat ke 4,000 ekar.

Pada 1977, saya pun berhenti sebab sudah sampai ke had umur. Maka selama ini, semenjak 1936, saya telah berdekat dengan orang-orang kampung dan hal pertanian. Fikiran saya selalu memberat kepada hal ehwal pekebun kecil memandangkan keadaan mereka hidup tidak diperhatikan sangat oleh orang-orang ramai dan pemerintah British. Maklumlah pihak berkenaan memberatkan kepentingan estet kepunyaan British.

Saya juga memikirkan tentang soal tanah yang patut ditubuhrukan mengikut keadaan. Beberapa perkara selalu menumbulkan kemarahan dalam hati saya, seperti padi kunca dan sewaan tanah. Dalam syarahan saya kepada penuntut-penuntut, seringkali saya mengenepikan buku-teks untuk memberitahu mereka tentang hal ini. Mereka boleh membaca buku-buku setiap masa tetapi pengalaman pahit ini akan menyayat hati mereka.

N.I.: Pada hemat Pak Rashid, apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh pekebun kecil?

R.A.: Tanah. Sekian lama, semakin kecil tanah dikerjakan oleh kerana undang-undang warisan kita. Saya rasa Felda dan Felcrs cuba mengatasi masalah ini tetapi hanya di permukaan sahaja; lebih dalam pada itu, kita mesti buat. Sehingga bila kita hendak menolong petani-petani kecil? Kita perlu satu reformasi tanah.

Sehubungan dengan ini, terdapat tanah terbiar seluas 2.2 juta hektar sekarang ini oleh kerana macam-macam sebab. Satu langkah yang tegas, saya fikir, ialah seperti apa yang sedang dibuat di kawasan Endau-Rompin, di mana, kalau tak salah, mengikut Menteri Besar dulu, tujuannya ialah untuk membuka 150,000 ekar dengan cara pemilikan saham dan bukan dengan kepunyaan tanah. Saham itu boleh dijual-beli, tetapi tanahnya tidak akan dipecah-pecahan hingga tinggal sikit saja.

N.I.: Ini untuk tanah baru. Bagaimana pula dengan tanah yang sedia ada?

R.A.: Bagi yang sedia ada, umpamanya, Felda boleh memberi saham berbeza dengan apa yang dilakukan sekarang. Satu lagi ialah melalui estet Risma, di mana Risma membeli estet dan memberi saham kepada pekebun kecil.

Ataupun mini-estet; ini mesti diperbanyak lagi. Orang-orang kampung menyerahkan tanah mereka kepada Risma, yang memajukan dengan menggunakan tenaga orang kampung supaya mereka dapat pencarian, dan seterusnya, diserahkan balik kepada mereka melalui pemilikan saham juga.

N.I.: Terdapat beberapa pihak yang berpendapat bahawa rancangan ini menguntungkan beberapa kerat pengusaha sahaja. Misalnya, di sebuah mini-estet padi di Kedah, golongan pengusaha/pelabur memajukan estet itu dengan beberapa pekerja saja, sementara kedudukan orang-

orang lain masih seperti biasa. Akibatnya, jurang antara kaya dan miskin makin luas.

R.A.: Betul, saya setuju! Kita patut ambil tanah daripada orang kaya. Dalam Laporan Padi 1955, saya telah mengesyorkan supaya tanah milik tuan-tanah, khasnya absentee landlords, patut diambil dan diberi kepada orang yang menyewa. Mereka telah menyewa bertahun-tahun lamanya. Ini salah dan tidak berpatutan. Kerajaan mesti ambil tanah-tanah ini.

Adalah salah pada zaman ini membiarkan tuan-tanah mengumpulkan beratus-ratus ekar seperti golongan Zamindar di India. Di sana mereka hendak menghapuskan Zamindar, tetapi apakah kita hendak menggalakkan pula?

Saya tidak mengatakan perkara ini senang, tetapi seharusnya kita boleh berazam supaya ia tidak berlaku lagi. Kalau tidak, mereka akan miskin selama-lamanya.

Sebenarnya kita terlalu mendewa-dewakan padi oleh kerana tradisinya, semangat Melayulah, itu dan ini. Semua ini karu! Saya yang sudah berumur 70 tahun mendapat bawaha padi tidak memberi apa-apa manfaat. Kita boleh membelinya dari luar negeri.

Negara kita mengeluarkan beras sebanyak 80% keperluan kita dan 20% lagi dibeli. Saya tidak maksud kita menutup sawah-sawah maju, seperti di Tanjung Karang, tetapi yang kecil patut ditutup; keringkan sawah itu dan menanam tanaman lain. Ini mungkin mengurangkan pengeluaran kita kepada 45%, tetapi tidak mengapa, kita boleh beli dari Thai. Selagi benda-benda kecil dikekalkan, orang-orang kampung akan miskin selama itu juga.

Saya amat bosan dengan sikap yang mendewa-dewakan padi. Satu lagi yang saya keras menentang ialah Akta Penanaman Padi 1927 yang memaksa tuannya benda menanam padi, kalau tidak dihadapkan ke mahkamah. Sudah lama saya memusuhihnya.

Oleh itu, dalam perkara padi, kita patut menggunakan akal sikit, kalau tidak ia merosakkan orang-orang Melayu sebab bangsa lain tidak berbuat begitu. Mereka tidak menanam di tempat kecil. Di Negri Sembilan, kawasan-kawasan yang ditanam adalah kecil-kecil saja, macam mana hendak bekalan air? Lainlah kalau kawasan padinya luas beribu-ribu ekar. Itupun ia harus diusahakan dengan cara saham. Jika tidak, semuanya akan pecah kelak.

N.I.: Macam mana dengan pekebun kecil getah pula?

R.A.: Keadaanya sekarang memang susahlah. Sudah beberapa kali, saya ulangkan bahawa sekali getah tidak boleh membeli sekali beras. Ini satu perkara yang tidak patut berlaku. Saya mengaku satu dari sebab-sebabnya ialah kemelesetan ekonomi dunia yang kita tidak dapat menguasai.

Bagaimanapun, jalan-jalan untuk mengatasi masalah ini tidak berapa tegas. Misalnya, Malaysia menganggotai INRO (Pertubuhan Antarabangsa Getah Asli), tetapi badan ini amat berat-sebelah kepada negara pengguna.

Semasa saya menghadiri mesyuarat INRO dan meminta harga getah dinaikkan, mereka akan berkata, "Oh mengikut clause 2(b), tak boleh, mengikut clause sekian-sekian, tak boleh, dll." Saya pun hairan, macam mana orang-orang kita, yang bersama-sama membentulkan perjanjian ini, tidak memikirkan semua ini.

Maka, kita mesti keluar dari INRO. Biarlah Malaysia mengikut OPEC, satu badan yang memperjuangkan kepentingan negara-negara pengeluar. Sebenarnya, sebelum INRO ditubuhkan, sudah wujud NARPC (Badan Negara-Negara Pengeluar Getah Asli) yang kita boleh jadikan seperti OPEC. Sebaliknya, INRO mempunyai 38 negara pengguna, tetapi hanya 7 negara pengeluar. Saya masih ingat pada zaman Rancangan Stevenson (1922-28), di mana kita patuh kepadaannya, tetapi semua orang lain tidak ikut. Ini amat merugikan sebab kita tertipu.

Sekarang, melalui ANRPC, kita akan cuti sehari, dan dengan adanya kerjasama sektor estet dan dewan perniagaan, kita akan cuba menahan sebanyak 150,000 tan dari pasaran dunia. Tengoklah 6 bulan lagi, saya rasa hanya dalam 2 bulan saja, kita boleh nampak. Getah sudah naik 4-5 sen hari ini dan mungkin lebih tinggi sikit hari lagi. Jelaslah, jika INRO memainkan stok, kita pun boleh memainkan stok.

Seperkara lagi ialah kita mencuba mengadakan kerjasama dengan pekebun-pekebun kecil di Indonesia, Thailand dan Sri Lanka. Sebabnya, pekebun-pekebun kecil men-

geluarkan 90% getah di Negeri Thai, 85% di Indonesia dan 60% di Malaysia. Maka, kita akan dapat memberi satu tumbukan kuat jika perlu.

N.I.: Macam mana tentang beban cukai yang ditanggung oleh pekebun kecil getah?

R.A.: Ya. Bagi tiap \$1/- yang diperolehnya, sebanyak 30 sen pergi kepada cukai. Ini jauh melebihi beban cukai pada orang ramai. Orang lain mendapat pelepasan sebanyak \$5,000 sebelum dikenakan cukai, tetapi mereka tidak. Sebarang langkah kerjaan mengenai cukai ekspot getah tidak ada makna kepada pekebun kecil sebab kegiatan mereka hanya setakat kampung saja. Antara dia dengan pembeli luar negeri, ada 2-3 orang tengah. Kalau pembeli membayar \$1.60, misalnya, pekebun kecil hanya mendapat 60 sen saja.

Ini kita sudah maklum telah berlaku berzaman-zaman lamanya. Orang kampung dipermainkan tentang timbangan, mutu dan harga.

Saya sudah mendesak kepada kerajaan, dan akan menjerit sekutu-kuatnya, supaya semua agensi kerajaan yang bersangkut-paut dengan jual-beli getah disatukan dalam satu badan yang dianggotai oleh wakil pekebun kecil. Kita naik pelik macam mana satu perkara yang amat bodoh dan hodoh boleh berlaku!

Mardec, Risma dan Felda membeli dan menjual getah secara berasingan; pada hal, semuanya adalah getah pekebun kecil. Mardec mempunyai hampir 60 wakil di merata dunia, Felda entah berapa, dan kini, Felda pula nak buka. Tidakkah ini membazirkan wang, masa dan tenaga?

Saya sudah syorkan beberapa kali supaya satu syarikat perniagaan am, di mana ketiga-tiga ini terlibat, serta pekebun kecil. Mereka berempat boleh bekerja dalam satu badan untuk mengekspot ke negeri luar. Maka, orang kampung pun boleh mendapat hasilnya dan dengan jalan itu, kita boleh mengurangkan kesan orang tengah. Pada masa ini, Risma Felda dan Mardec dapat membeli hanya 20% pengeluaran pekebun kecil, yang tidak lama lagi akan sampai 1 juta tan setahun. Akan tetapi, yang kita mendapat sekarang, persaingan antara mereka bertiga, "akulah Mardec," "akulah Felda." Kalau mereka kendalikan sebanyak 60% sahaja pun cukup sebab ini meliputi pekebun yang mempunyai di bawah 10 ekar.

Mereka alah masalah kita, tidak kemana hendak perginya. Adakan masalah lain yang berkenaan masalah pasaran?

R.A.: Tidak ada melainkan masalah orang tengah. Bukanlah yang kecil-kecil di kampung, tetapi yang duduk di bandar. Meraka mempunyai banyak modal dan telah membolot perdagangan getah. Yang di kampung, adalah kaki-tangany; dialah puncanya, dialah pemodal. Bagaimana pula dengan kredit?

R.A.: Pekebun kecil boleh mendapat kredit dari Mardec, dari Risma. Pada fikiran, saya masalah ini tidaklah begitu berat sekerang ini. Bagaimana pun peranan bank tidak memuaskan. Meraka sangat cerewet terhadap orang kampung; mahu cagaralih, mahu intervi beberapa kali. Saya fikir sampailah masa untuk kita mengadakan bank pekebun kecil yang tidak banyak cerewet tentang cagaralih. Mereka tidak ada apa-apa yang nak dicagarkan selain dari 2½ atau 1 ekar tanah.

Kalau tidak, kita mesti mendesak Bank Pertanian adakan bahagian untuk pekebun kecil. Setakat ini, Bank itu rela meminjamkan sejuta, dua juta ringgit bagi membuka beribu-ribu ekar; tetapi bagi orang kampung, ia tidak peduli. Ini yang tak kena! Kalau saya ada seribu ekar, bila-bila saja, saya boleh dapat; tetapi kalau saya hanya mempunyai satu ekar, tak dapat! Ini sangat tak patut.

N.I.: Berkenaan badan-badan kerajaan yang ditubuhkan untuk menolong orang-orang kampung, setengah orang berpendapat bahawa sebahagian darinya lebih menumbulkan masalah dari menyelesaikan masalah dengan birokrasinya, dsb. Apakah komen Pak Rashid? Pagar makan padikah?

R.A.: Betul! Sangat betul. Kalau saya nak ceritakannya, mungkin saya disaman di mahkamah, tetapi apa yang anda kata itu 100% betul. Badan-badan ini penuh dengan khusutnya, kesulitan, sehingga tidak banyak kebaikannya yang dinikmati oleh orang kampung.

Itulah tugas badan-badan macam Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia (PKPKM), menyuarakan tidak puas hati apabila agensi-agensi kerajaan menyelip dari tujuan mereka.

N.I.: Apa pendapat Pak tentang pemberian subsidi kerajaan?

R.A.: Subsidi memang membantu petani yang tidak mampu membeli baja-baja, dsb. Sebab inilah, kami berterima kasih kepada kerajaan.

Seperkara lagi yang ingin saya bangkitkan ialah perkara khidmat lanjutan untuk memberi nasihat kepada para tani. Biasanya, pegawai itu memerintah orang-orang kampung. Itu tak elok. Amalan ini patut diubah. Sikap para pegawai patut diubah dulu.

N.I.: Ada apa-apa lagi yang nak diperkatakan oleh Pak Rashid?

R.A.: Kelap! 98% daripada jumlah tanaman kelapa dipegang oleh pekebun kecil. Sudah beberapa tahun keadaan berlarutan di mana kita membeli kelapa 6 sen di kampung, tetapi apabila sampai ke bandar, sudah jadi 50 sen.

Dengan terang-terus, saya menyatakan FAMA yang membiarkan keadaan hingga begini. Dia beli sini sikit dan sana sikit; amalan ini patut diubah. FAMA mesti menyelamatkan pekebun kelapa.

Mengikut belajawan negara baru-baru ini, cukai kelapa kering akan dihapuskan. Ini hanya akan menguntungkan orang tengah. Saya yakin harga kelapa tidak akan bergerak di kampung.

N.I.: Ada komen lain tentang Belanjawan Negara untuk 1983?

R.A.: Perubahan dalam pengenaan cukai getah tidak menafaikan orang kampung, hanya estet saja.

Pak Rashid dianugerahkan doktor kehormat oleh UPM pada 1982. Pak Rashid ialah setiausaha agung PKPKM. Ahli Majlis Tertinggi PKPKM terdiri dari 7 orang peniaga, 7 pesara, 5 wakil rakyat, dua pensyarah, 1 peguam, 1 penghulu dan seorang pembesar.



Jawatankuasa PKPKM

Belanjawan 1983: Berani Dan Tidak Membebankan?

- SURIA HAMID -

Belanjawan negara bagi tahun 1983 telah disifatkan oleh setengah pihak sebagai berani dan tidak membebankan rakyat golongan bawahan. Jika kita melihat Belanjawan itu secara sepintas lalu mungkin kita akan turut bersetuju dengan pandangan ini. Tetapi, sekiranya kita meneliti dengan lebih terperinci lagi beberapa persoalan akan timbul.

Keadaan Ekonomi Genting

Dalam menyediakan Belanjawan 1983, pihak kerajaan berada dalam keadaan yang

amat terdesak. Kemelesetan ekonomi dunia kapitalis telah mejejas hasil ekspot kita dengan begitu terok sekali sehingga, imbalan perdagangan dan pembayaran kita mengalami kekurangan atau deficit yang besar. Hasil kerajaan dari cukai ekspot juga turut terjejas dan ini telah mengakibatkan kerajaan menghadapi kekurangan wang untuk menampung perbelanjaan. Sebagai jalan keluar dari masalah ini kerajaan telah menambah pinjaman dalam dan luar negeri dengan banyaknya. Di samping itu,

sejak pertengahan tahun 1982 kerajaan juga terpaksa mengambil langkah penjimatatan dengan mengurangkan perbelanjaannya.

Kemelesetan ekonomi dunia juga telah mejejas pertumbuhan ekonomi negara ini dan pendapatan sejumlah besar penduduk juga mengalami kejatuhan. Pada tahun 1982, kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia hanyalah 3.9% sahaja. Kadar ini adalah jauh berkurangan dari ramalan 7.2% yang dibuat dalam Belanjawan 1982.

Apa yang menyulitkan ke-

adaan lagi ialah hakikat bahawa sehingga kini masih belum terdapat petanda yang benar-benar menunjukkan yang kemelesetan ekonomi dunia akan berakhir.

Berhadapan dengan keadaan yang rumit ini, pihak kerajaan mempunyai pilihan yang amat terbatas dan kesemuanya disertai dengan masalah tertentu. Satu dari pilihan ini ialah meneruskan pengurangan perbelanjaannya dan menaikkan cukai; tetapi ini mungkin akan menjadikan lagi pertumbuhan ekonomi negara. Pilihan kedua ialah terus menambahkan perbelanjaannya supaya pertumbuhan ekonomi dapat ditingkatkan. Tetapi, langkah ini pulak akan memburukkan lagi kedudukan kurangan kerajaan.

Perbelanjaan Dikurangkan

Belanjawan 1983 nampaknya telah memilih pilihan pertama di mana kerajaan telah meneruskan usaha mengurangkan perbelanjaannya dan menaikkan cukai-cukai tertentu. Ia hanya memberi peruntukan perbelanjaan kepada kerajaan sebanyak \$28,749 juta; 59.4% atau \$17,079 juta adalah untuk perbelanjaan mengurus dan bakinya untuk perbelanjaan pembangunan. Jumlah penuntutan ini adalah 10% lebih rendah dari peruntukan asal Belanjawan 1982 (sebanyak \$31,951 juta) dan 1% lebih rendah dari peruntukan yang dipinda pada bulan Jun lalu (sebanyak \$29,066 juta). Keseluruhan pengurangan ini terdapat pada peruntukan perbelanjaan pembangunan yang telah berkurangan sebanyak 20% berbanding dengan peruntukan asal Belanjawan 1982.

Pihak kerajaan nampaknya

Kedua, mulai tahun 1981, Malaysia tidak memperolehi lebihan dalam imbalan perdagangan untuk membayar hutang luar negeri.

Kerajaan kita berbangga dengan beban pembayaran hutang yang rendah iaitu 2.7% berbanding dengan Mexico iaitu sebanyak 60%. Tetapi seorang pakar ekonomi, Dr. Thillainathan berkata, angka ini berdasarkan pada nisbah antara hutang dengan ekspot.

Sebenarnya, ia patut membayangkan nisbah antara hutang dengan lebihan ekspot sebab pembayaran hutang dikumpul dari lebihan ekspot. Malaysia tidak lagi memperolehi lebihan ekspot semenjak dua tahun lalu.

Pergantungan Kepada Impot

Buat kali pertamanya, negara mengalami masalah kekurangan wang asing. Kalau keadaan meleset berterusan, Malaysia tidak akan mampu membeli barang-barang luar negeri kelak.

Angka ini adalah masih terlalu sedikit untuk mendatangkan suatu krisis kewangan yang boleh membawa kepada bengkrap seperti Mexico. Namun begitu, tiap-tiap tahun, pinjaman kerajaan kian bertambah.

Terdapat dua aspek yang amat membimbangkan pakar-pakar ekonomi kita. Pertama, pada hal, di waktu dulu, pinjaman kerajaan adalah untuk projek pembangunan yang akan menambahkan pendapatan negara selanjutnya, seperti Projek Perairan Muda.

Tetapi kini, wang pinjaman terpaksa digunakan untuk perjalanan jentera kerajaan. Ini bermakna bahawa pendapatan negara tidak mencukupi untuk perbelanjaan biasa.

Masalah ini timbul sebab syarikat-syarikat perkapalan, insurans dan lain-lain dikuasai oleh orang asing.

berharap sangat kepada sektor swasta untuk mengukuhkan imbalan perdagangan kita dari mengatas keadaan ekonomi yang lembab. Oleh itu, selain dari mengharapkan yang permintaan keatas barang utama kita bertambah baik, pihak kerajaan telah memberi beberapa galakan kepada industri perkilangan supaya pengilang-pengilang meningkatkan pengeluaran secara amnya dan membangunkan lagi pengeluaran barang perkilangan untuk di ekspot. Di samping itu, kerajaan juga mengambil langkah mengalakkkan industri pelancongan. Selari dengan tujuan ini, cukai impot keatas beberapa barang - seperti minyak wangi, alat solek, radio trasistor, cine-kamera, dll - telah dihapuskan.

Sejauh mana sektor swasta dapat memainkan peranan yang diharapkan oleh kerajaan masih menjadi tanda-tanya. Tetapi, pengurangan perbelanjaan kerajaan itu sudah pasti mempunyai kesan negatif keatas pertumbuhan ekonomi negara kerana sektor kerajaan adalah salah satu sektor terbesar dalam ekonomi kita dan jumlah perbelanjaannya merupakan 1/3 dari jumlah perbelanjaan dalam negeri.

Kenaikan Cukai

Satu lagi aspek penting dalam Belanjawan 1983 ialah kenaikan cukai keatas sebilangan besar barang-barang. Kerajaan dijangka akan mendapat hasil sebanyak \$1,237 juta dari cukai-cukai ini. Perpindahan wang sebesar ini dari para pengguna kepada kerajaan dijangka akan mempunyai kesan negatif juga ke atas pertumbuhan ekonomi negara.

Di antara kenaikan cukai-cukai ini, kenaikan cukai jualan dari 5% kepada 10% merupakan penambahan hasil yang terbesar kepada kerajaan. Kenaikan cukai ini dijangka akan menaikkan hasil kerajaan sebanyak \$788 juta. Sementara itu, perluan liputan cukai perkhidmatan kepada semua restoran, bar dan coffee-house yang hasil jualan tahunan mereka melebihi \$500,000 akan menambahkan hasil kerajaan sebanyak \$70 juta lagi.

Membebani Rakyat

Pada kebiasaan, para pekerja akan memidahkan beban kenaikan kedua-dua cukai ini keatas bahu para pengguna tanpa mengira status mereka dalam masyarakat. Walaupun cukai jualan tidak melibatkan barang-barang perlu (seperti barang makanan, ubat-ubatan, bahan-bahan mentah dan mesin, peralatan pembiruan dan bahan binaan), tetapi masih banyak lagi barang-barang lain yang diperlukan dan dibeli oleh rakyat bawahan, yang masih dikenakan cukai jualan. Oleh itu, kenaikan cukai ini turut membebani rakyat dalam golongan pendapatan rendah.

Malah, menurut kejian pakar-pakar ekonomi, cukai jualan adalah salah satu cukai yang bersifat amat regressif dari segi bebannya; iaitu, secara relatif ia lebih membebani golongan berpendapatan rendah. Keadaan ini sudah pasti akan memburukkan lagi ketidak-samaan dalam agihan pendapatan di negeri ini. Di samping itu, selepas cukai ini dikenakan, kerajaan selalunya amat liat untuk menghapusnya kerana ia memberi hasil yang lumayan.

Selain dari kesan buruk keatas agihan pendapatan di negeri ini, kenaikan cukai jualan dan perluasan cukai perkhidmatan dijangka akan menyumbang kepada kenaikan kadar inflasi dalam negeri pada

tahun depan. Ini bermakna bahawa Belanjawan 1983 adalah pada hakikatnya membebankan golongan bawahan juga.

Peruntukan Tak Wajar


Di samping itu, walaupun kita akui akan perlunya kerajaan berjimat cermat dalam bidang-bidang tertentu tetapi cara berbagai peruntukan itu dianggihkan menimbulkan tanda-tanya juga. Sebagai contoh, sementara kerajaan menyediakan peruntukan yang besar untuk meneruskan perlaksanaan projek-projek yang tidak begitu penting seperti projek jembatan Pulau Pinang dan Dayabumi, peruntukan untuk perumahan telah berkurangan dengan banyak sekali. Langkah kerajaan ini menjadi lebih tidak manasabah apabila kita mengambil kira kenyataan yang dibuat oleh Tengku Razaleigh dalam ucapan belanjawannya dimana beliau mengatakan bahawa "kadar pembinaan rumah kediaman persendirian lebih lembab dari apa yang tercapai dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan jauh Ketinggalan dari matlamat 70,000 buah rumah setahun yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Keempat".

Langkah mengurangkan peruntukan untuk perumahan juga agak bertentangan dengan hasrat kerajaan untuk memajukan sektor pembinaan. Sekali lagi kita dapat bahawa kerajaan bergantung kepada sektor swasta untuk mencapai matlamat dasar perumahan. Tetapi sehingga kini, prestasi sektor swasta dalam hal ini adalah amat tidak memuaskan. Menurut sumber kerajaan sendiri, matlamat pembinaan rumah murah yang ditetapkan bagi sektor swasta di bawah RM4 ialah 90,000 unit, tetapi sehingga Jun 1982, hanya 8,566 unit sahaja yang telah siap - iaitu tak sampai 10% dari matlamatnya! Ini bermakna bahawa krisis perumahan di kalangan golongan berpendapatan rendah mungkin menjadi lebih serius dalam masa setahun dua yang akan datang ini.

Sementara itu, peruntukan untuk pertahanan masih terus di peringkat yang tinggi. Malahan, peruntukannya telah bertambah dalam Belanjawan ini. Ramai ahli ekonomi merasa kurang senang hati dengan peruntukan sebesar itu kepada sektor yang mereka anggap tidak produktif. Walaupun mereka mengakui yang keselamatan negara adalah penting tetapi mereka tetap merasakan bahawa peruntukan yang disediakan adalah terlalu besar dan membazirkan.

Peluang Terlapis

Satu perkara yang jelas mengenai strategi Belanjawan 1983 ialah kerajaan masih tetap mengekalkan pengangguran ekonomi kita kepada keadaan ekonomi antara bangsa. Walaupun keadaan sekarang ini memberi satu peluang baik kepada kerajaan untuk mengubah struktur ekonomi negara supaya ianya menjadi lebih berdikari dan dapat menghindar kesan buruk krisis ekonomi dunia kapitalis tetapi kerajaan nampaknya tidak begitu berani mencuba langkah-langkah baru ke arah ini. Oleh itu, prestasi ekonomi kita akan masih tetap bergantung kepada keadaan ekonomi dunia kapitalis. Sekiranya pemulihran ekonomi yang negara-negara perindustrian, yang diharapkan berlaku pada tahun 1983 tidak menjadi satu kenyataan, maka ekonomi Malaysia dalam tahun 1983 mungkin berada dalam keadaan yang lebih buruk lagi dari keadaan tahun ini.



Beban Hutang Negara Terus Bertambah

Kalau Si Polan yang berjiran dengan kita itu suka hidup mewah dengan hutang sekeliling pinggang, lama-kelamaan ia akan bengkrap dan mungkin juga rumah-tangganya runtuh.

Sebunya, walaupun semua tanah pusaka dan barang kemas isterinya telah dijual lama dulu, hutangnya masih menimbun. Akhirnya, para pekerja pun tidak melayaninya lagi.

Begitu juga dengan sebuah negara. Banyak negara Dunia Ketiga yang miskin telah meminjam bertahun-tahun lamanya, hingga mereka tidak terdaya menjelaskan hutang-hutang itu lagi. Malahan mereka berhutang lagi semata-mata untuk membayar balik hutang lama.

Dua bulan lalu, Mexico sudah sampai ke puncak krisis kewangan dengan hutang sebanyak AS\$60 billion! Sebagai sebuah negara, ia digelar bengkrap oleh badan-badan kewangan antarabangsa.

Kalau tidak diatasi, ramai kreditornya, yang terdiri dari bank-bank swasta Amerika, akan turut bengkrap sebab modal mereka yang merupakan pinjaman kepada Mexico akan lesap. Bagi mengelakkannya, para kreditornya terpaksa menangguhkan pembayaran hingga kedudukannya bertambah kukuh.

Semenjak tahun tujuh puluhan, kerajaan Malaysia telah mula menggunakan pinjaman untuk perbelanjaannya setiap tahun.

Oleh kerana ekonomi negara makmur, pihak berkusa masih belum menghadapi masalah untuk membayar balik.

Pada mulanya, kerajaan mendapatkan pinjaman dari sumber-sumber dalam negeri, seperti KWSP (EPF). Apabila negara melancarkan projek-projek pembangunan secara besar-besaran, kerajaan mula meminjam dari luar negeri, seperti Bank Dunia, untuk projek Muda di Kedah dalam tahun enam-puluhan.

Pinjaman Asing Meningkat

Dengan pelancaran Rancangan Malaysia Keempat, pinjaman telah meningkat dari \$500 juta (1980) kepada 3 billion ringgit (1981)! Justeru, jumlah hutang luar negeri yang ditanggung oleh rakyat kini sudah hampir \$8 billion!

Angka ini adalah masih terlalu sedikit untuk mendatangkan suatu krisis kewangan yang boleh membawa kepada bengkrap seperti Mexico. Namun begitu, tiap-tiap tahun, pinjaman kerajaan kian bertambah.

Terdapat dua aspek yang amat membimbangkan pakar-pakar ekonomi kita. Pertama, pada hal, di waktu dulu, pinjaman kerajaan adalah untuk projek pembangunan yang akan menambahkan pendapatan negara selanjutnya, seperti Projek Perairan Muda.

Tetapi kini, wang pinjaman terpaksa digunakan untuk perjalanan jentera kerajaan. Ini bermakna bahawa pendapatan negara tidak mencukupi untuk perbelanjaan biasa.

Masalah ini timbul sebab syarikat-syarikat perkapalan, insurans dan lain-lain dikuasai oleh orang asing.

Ekspot Barang Utama Terus Merosot

Hafiz Ali

Dalam tahun 1982, kemelesetan ekonomi dunia telah menjajaskan sektor ekspot negara ini dengan lebih hebat lagi. Hampir kesemua hasil ekspot barang utama kita — seperti getah, bijih timah, kelapa sawit dan kayu yang digergaji — telah mengalami kejatuhan besar. Hanya nilai ekspot minyak petroleum, kayu bakar dan barang perlakangan sahaja yang tidak jatuh.

Harga Jatuh

Nilai ekspot getah asli dijangka akan berkurangan sebanyak 26.2% berbanding dengan kejatuhan sebanyak 24.4% pada tahun 1981. Kejatuhan ini adalah disebabkan oleh kejatuhan dalam harga getah sebanyak 19.2% dan juga jumlah getah yang diketahui akibat sekatan ke atas pengeluaran getah. Sebagai contoh, harga getah RSS1 telah jatuh dari 258.8 sen sekilo pada tahun 1981 kepada 205 sen pada tahun ini.

Pengurangan permintaan ke atas bijih timah serta tindakan Amerika Syarikat menjual bijih dari stok simpanannya telah menjajaskan harga dan jumlah ekspot bijih timah negara ini. Hasil ekspot bijih timah telah dijangkakan akan berkurangan sebanyak 28.9% pada tahun ini. Akibat dari keadaan yang tidak menggalakkan ini, kira-kira 40 buah lagi lombong bijih telah ditutup dalam masa setahun lalu dan ramai pekerja lombong telah

dibuang kerja.

Ekspot minyak petroleum, yang masih merupakan bahan ekspot yang terpenting negara ini, telah dijangkakan akan meningkat sebanyak 6% dalam tahun 1982. Oleh kerana harga minyak petroleum telah jatuh pada tahun ini, maka kenaikan hasil ekspot bahan ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam jumlah ekspot sebanyak 20.3%.

"Untuk menambah jumlah ekspot ini pengeluaran minyak mentah negara ini telah meningkat dengan pesat dari 258,000 tong sehari dalam tahun 1981 kepada 297,000 tong sehari pada tahun 1982.

Defisit Imbalan Perdagangan

Akibat kejatuhan harga dan jumlah ekspot sebahagian besar barang utama kita, jumlah nilai ekspot Malaysia dijangka akan berkurangan sebanyak 1.7% kepada \$26,640 juta dalam tahun 1982. Semenara itu bayaran untuk impot dijangka akan meningkat sebanyak 6% kepada \$28,276 juta. Ini bermakna bahawa imbalan perdagangan kita bagi tahun 1982 akan mencatat buat pertama kalinya kekurangan ekspot (atau defisit) sebanyak \$1,636 juta. Malahan, dalam enam bulan pertama tahun ini, imbalan perdagangan Malaysia telah pun mencatat kekurangan ekspot sebanyak \$609.5 juta.

Satu lagi perkembangan yang tidak sehat pada tahun 1982 ialah kejatuhan dalam

kadar — syarat perdagangan (satu ukuran yang menunjukkan hubungan di antara harga barang ekspot dengan harga barang import kita) sebanyak 10%. Ini berlaku kerana harga barang impot kita telah meningkat sebanyak 7% sedangkan harga barang ekspot kita jatuh sebanyak 4%.

Langkah Meringankan Beban

Kemerosotan sektor ekspot kita ini telah memberi pukulan yang hebat kepada pengeluar-pengeluar barang utama kita. Untuk meringankan kesulitan yang ditanggung oleh pengeluar-pengeluar ini, Belanjawan 1982 telah menghapuskan sistem dua harga permulaan ini dan digantikan dengan sistem satu harga pemulaan iaitu 154 sen sekilo. Di sini kita dapat melihat bagaimana langkah yang diperkenalkan telah menguntungkan sektor estet. Belanjawan 1983 nampaknya bukan sahaja melanjutkan faedah yang dinikmati oleh sektor ekspot tetapi telah juga menambahkannya.

Di samping itu, pindaan ke atas asas pengiraan duti ekspot bagi getah mutu tinggi dari harga RSS1 kepada harga RSS2 juga menguntungkan sektor estet. Dengan pindaan ini, sektor estet akan membayar duti ekspot getah yang lebih rendah dari apa yang mereka telah bayar sebelumnya.

Sekali lagi kita melihat bagaimana Belanjawan 1983 mengesyorkan langkah yang bertentangan dengan prinsip saksama. Nampaknya langkah kerajaan untuk membantu pengeluar-pengeluar getah lebih menguntungkan sektor estet manakala pekebun-pekebun kecil getah hanya mendapat faedah yang kecil sahaja.

Walaupun langkah yang diumum untuk getah bertujuan untuk melegakan kesulitan kesemua pengeluar getah, tetapi ia lebih menguntungkan pihak estet yang mengeluarkan getah bermutu tinggi. Malahan, menurut Presiden Majlis Pengeluar Getah Malaysia, pekebun-pekebun kecil getah yang mengalami kos pengeluaran yang tinggi, merasa keciwa dengan langkah baru kerajaan ini. Mereka hanya akan mendapat nikmat dari langkah ini sekiranya harga getah meningkat ke paras yang lebih tinggi.

Harus diingatkan bahawa langkah kerajaan ini merupakan lanjutan dari langkah yang telah diambil pada tahun lalu. Sebelum Belanjawan 1982, pengiraan duti ekspot getah menggunakan sistem dua harga permulaan. Menurut struktur ini, duti ekspot getah hanya dikenakan apabila harga getah bermutu baik melebihi 134 sen sekilo. Bagi mutu kurang baik pula, duti ekspot dikenakan apabila harganya melebihi 154 sen sekilo. Belanjawan 1982 telah menghapuskan sistem dua harga permulaan ini dan digantikan dengan sistem satu harga pemulaan iaitu 154 sen sekilo. Di sini kita dapat melihat bagaimana langkah yang diperkenalkan telah menguntungkan sektor estet. Belanjawan 1983 nampaknya bukan sahaja melanjutkan faedah yang dinikmati oleh sektor ekspot tetapi telah juga menambahkannya.

Tetapi harga-harga barang utama yang merosot kini bermakna masa hadapan yang muram buat beberapa tahun lagi bagi rakyat kita.

Umpamanya, minyak petroleum merupakan pendapat ekspot yang paling banyak sekali, tetapi harganya tidak dapat ditentukan dengan tepat.

Laporan Ekonomi 1981—1982 pernah meramalkan harga petroleum mentah akan jatuh sedikit dari AS\$39 setengah kepada AS\$37 setengah pada tahun 1982. Nyatakan ramalan ini sudah salah sebab harganya sekarang ialah \$34 Amerika Syarikat.

Memandangkan bahawa barang-barang utama mendatangkan hasil ekspot yang terbanyak kepada Malaysia, naik turun harganya di pasaran dunia akan menentukan kewajahan negara kita.

Walau apa-apapun, dua perkara boleh diperkatakan dengan pasti. Pertamanya, harga barang utama tidak akan naik selagi ekonomi dunia kapitalis tidak pulih. Ini bergantung kepada ekonomi Amerika Syarikat, tetapi pakar-pakar ekonomi tidak pasti bila ia akan sembuh kembali.

Keduanya, meskipun mungkin terdapat pemuliharan dalam ekonomi dunia kelak, harga berkenaan tidak semestinya akan naik dengan segera kerana terdapat berbagai stok penimbang seperti yang diadakan untuk getah dan timah. Misalnya, kedudukan harga timah bertambah rumit lagi dengan pelepasan stok GSA Amerika Syarikat.

Bekalan Makanan Tempatan Tidak Cukup

Kempen

Berjimat-Cermat:

Ubat Tiada

Seorang pesakit berukur 42 tahun terpaksa hampa kerana Hospital Besar Kuala Lumpur kekurangan 2 jenis ubat pil kerana kempen berjimat oleh pihak kerajaan.

Puan Aminah Samad mengatakan bahawa ia telah menunggu selama 6 jam untuk mendapatkan ubat Isordil dan Nitroglycerine.

Puan Aminah telah berjumpa dengan seorang doktor pada pukul 8 pagi dan diarahkan memperolehi 6 jenis ubat. Katanya, "saya telah pergi ke klinik ubat tetapi diberitahu bahawa dua antaranya tidak

boleh didapati."

Setelah berulang-alik mencari doktor berkenaan, yang telah keluar makan, seorang kakitangan klinik menasihatkan Puan Aminah supaya membeli ubat-ubat itu dari kedai ubat di luar hospital, tetapi ia tidak mampu membelinya.

Menteri Kesihatan Tan Sri Chong Hon Nyan telah memberitahu bahawa hanya ubat-ubat tertentu akan dibekalkan dengan percuma kepada pesakit-pesakit kerana kempen berjimat.

Jimat Cermat?: Membeli Jet Untuk Digunakan Selama 2 Tahun

Timbalan Menteri Pertahanan, Abang Abu Bakar memberitahu satu sidang parlimen bahawa kerajaan Malaysia akan membeli jet pejuang Skyhawk seperti yang dirancangkan walaupun keadaan kewangan negara telah merosot.

Kini, sebanyak 88 buah Skyhawk kepunyaan Malaysia sedang tersadi di padang pasir

Arizona sementara kerajaan mencari kontraktor bagi memulihkan pesawat-pesawat itu.

Jet pejuang Skyhawk yang menelan belanja beratus juta ringgit telah dipakai oleh Tentara Udara Amerika di Vietnam suatu masa dahulu. Setelah dibakar, ia boleh digunakan untuk 2 tahun lagi, mengikut Abang Abu Bakar.

Beberapa buah negara membangun telah berjaya mengeluarkan bekalan makanan yang cukup, tetapi negara kita masih jauh kebelakangan dari segi ini.

Sebabnya ialah Malaysia terus mengutamakan pengeluaran untuk ekspot. Di samping itu, terdapat beberapa masalah lain yang rumit.

Kekurangan Beras
Umpamanya dianggarkan sebanyak 1 juta ekor sawah padi sedang terbiar dalam tahun 1981. Puncanya ialah kekurangan tenaga kerja, tetapi ini sebenarnya membayangkan perubahan dalam cara hidup di zaman sekarang.

Golongan muda kita lebih suka makan gaji di kilang-kilang atau berniaga kecil-kecilan di bandar besar. Menanam padi tidak boleh menjaminkan masa depan lagi sebab lumrahnya mereka telah mewarisi sawah-bendang hanya sebesar sekangkang kera.

Mengenai penyakit padi, pihak berkenaan tidak mampu membuat apa-apa. Sebagai misalan, lebih 39,000 ekar sawah di Kedah dan Perlis telah musnah pada tahun 1979 setelah diserang satu jenis serangga; 53,730 ekar

merosot. Selain dari beras, Malaysia juga kekurangan sayuran yang menyebabkan harganya naik. Angka dari Buku Hijau menunjukkan bahawa bekalan sayuran telah turun dari 373,322 tan pada tahun 1970 kepada 277,080 tan pada tahun 1975. Sebanyak satu pertiga dari jumlah sayuran diketahui ke Singapura; demikian juga dengan ikan dan udang.

Kerajaan Malaysia harus berusaha mencapai bekalan makanan yang cukup bagi menjimatkan pembelian dari luar. Seterusnya, ekspot makanan harus dikawal jika ia menyebabkan kekurangan bekalan dan kenaikan harga dalam negeri.

Masa Depan

Barangan Utama

Malaysia Muram

setengah . . . OPEC pula mendapat amat sukar hendak mempertahankannya daripada merosot lagi.

Walau apa-apapun, dua perkara boleh diperkatakan dengan pasti. Pertamanya, harga barang utama tidak akan naik selagi ekonomi dunia kapitalis tidak pulih. Ini bergantung kepada ekonomi Amerika Syarikat, tetapi pakar-pakar ekonomi tidak pasti bila ia akan sembuh kembali.

Kedua-dua, meskipun mungkin terdapat pemuliharan dalam ekonomi dunia kelak, harga berkenaan tidak semestinya akan naik dengan segera kerana terdapat berbagai stok penimbang seperti yang diadakan untuk getah dan timah. Misalnya, kedudukan harga timah bertambah rumit lagi dengan pelepasan stok GSA Amerika Syarikat.

Bantuan Subsidi: Yang Kaya Lagi Mewah

Hampir setiap rakyat Malaysia, tua atau muda, di desa atau di bandar, miskin atau kaya, secara langsung atau tidak, mendapat faedah dari berbagai jenis subsidi kerajaan.

Angka-angka tahun 1980 menunjukkan bahawa tidak kurang dari \$1.5 bilion telah dibelanjakan sebagai subsidi untuk pengeluaran negara dan kos sara hidup rakyat Malaysia. Ini merupakan hampir 8% dari perbelanjaan kerajaan.

Banyak keraguan telah timbul mengenai faedah yang didapati dari subsidi diesel sebanyak \$1.08 segelen. Bebananya tidak kurang dari setengah bilion ringgit setiap tahun.

Seperti yang diketahui umum, sebahagian besar dari faedah ini lebih menguntungkan para peniaga, yang telah menukar dari minyak petrol kepada minyak diesel yang lebih murah.

Satu perkara yang sentiasa dibangkitkan ialah subsidi padi sebanyak \$10 bagi setiap pikul. Ini lebih menguntungkan pengusaha tanah luas yang

menghasilkan beratus-ratus pikul setiap musim.

Penyalahgunaan

Pengkritik subsidi mendapat banyak kisah penyalahgunaan subsidi. Laporan Ketua Odit Negara menunjukkan berbagai kebocoran dan amaran rasuah; oleh itu setengah perhati mensifatkan subsidi sebagai alat politik untuk membeli masa bagi kerajaan.

Perbelanjaan kerajaan untuk subsidi yang bertambah 10 kali-ganda dalam dekad yang lalu (dari \$191 juta pada 1976 hingga \$1.4 bilion pada 1980/- dapat diperkembangkan oleh kerana keadaan makmur pada tahun-tahun yang lalu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam telah memberi amaran baru-baru ini bahawa "subsidi hanya boleh diberikan kepada para peladang selama negara ini mampu."

Penyelewengan?

Mungkin hujah-hujah yang

kuat sekali terhadap subsidi ialah ia tidak menghasilkan kesan seperti yang dikehendaki dalam banyak perkara. Umpamanya, sebanyak 4 orang dari setiap 10 orang petani dan pekebun kecil masih ada di paras kemiskinan sebab subsidi tidak dapat meresap kepada mereka yang betul-betul memerlukannya.

Sehingga 1980, kebanyakan subsidi diperuntukkan untuk mengurangkan kos hidup, seperti makanan (sebanyak \$1 bilion), dan hanya \$500 juta setahun adalah untuk aspek pengeluaran, seperti baju, racun, benih, dll. Tetapi nampaknya, subsidi kos hidup yang menguntungkan para pengguna sedang dikurangkan, sedangkan subsidi pengeluaran terus bertambah.

Bagaimanapun, subsidi yang mengutamakan aspek pengeluaran boleh mengakibatkan petani kaya menjadi lebih kaya sedangkan yang miskin terus ketinggalan.

Sumbangan sektor pertanian kepada Keluaran Negara Kasar (KNK) telah jatuh dari 32% kepada 22% antara tahun-tahun 1965 dan 1980.

Dari segi peluang pekerjaan, sektor pertanian telah menyediakan sebanyak 50% dalam tahun 1965, tetapi hanya 40% pada tahun 1980; sebaliknya, pekerjaan dalam bidang pembuatan dan perkhidmatan telah bertambah dari 26% kepada 35% dalam tempoh yang sama.

Golongan menengah di negara kita telah bertambah hasil dari pelaburan dalam bidang pelajaran dan perniagaan. Tetapi penambahan pendapatan kaum buruh tidak begitu pesat; maka, jurang antara golongan-golongan kaya, pertengahan dan bawahannya terus bertambah besar. Tandanya boleh dilihat di bandar, di pinggir kota besar dan di desa.

Pemilikan harta yang tidak seimbang mengagihkan pen-

dapat secara tidak seimbang juga. Namun kerajaan tidak pernah cuba merubah struktur sebagai langkah pembasmiان kemiskinan di kalangan orang luar bandar.

Akibatnya, gejala-gejala yang terdapat di Kawasan Muda, di mana pendapatan kaum tani tidak bergantung kepada cara-cara penanaman baru, tetapi sebenarnya kepada keluasan tanah.

Lama-lamaan, petani kaya bertambah kaya; ia boleh menyimpan lebih, membeli lebih dan akhirnya memperolehi lebih banyak sawah di sekitar kampungnya.

Sebaliknya sejak tahun 1960, bilangan petani kecil kian bertambah dan merumitkan lagi masalah kemiskinan di kalangan petani. Justeru masalah yang penting sekali adalah bagaimana perubahan struktur dalam pemilikan harta, khasnya tanah, boleh dilakukan.

Kemiskinan di luar bandar boleh di kurangkan melalui

reformasi tanah dan bukan melalui pengawalan harga. Umpamanya, subsidi beras telah menghasilkan jurang ketidak-samaan yang ketara dalam sektor pertanian.

Keadaan berbeza dengan rancangan Felda di mana setiap peneroka diberi tanah yang luas dan sama banyak. Seterusnya hasil dari kutipan mereka adalah sama banyak juga.

Tetapi estet padi yang dijadikan oleh beberapa pihak akan memberikan hasil mengikut keluasan tanah masing-masing, iaitu yang sikit tetap mendapat sikit juga.

Syar ini boleh mengusahakan semua sawah yang terbiasa, tetapi dari segi pendapatan, ia tidak mengubah keadaan.

Sebabnya, bukan saja tanah harus diagihkan dengan saksama, tetapi keadaan ini harus dikekalkan begitu buat selamanya. Kalau tidak, yang kurang cekap akan mula berhutang dan bergadai seperti dulu.

Pinjaman Patut Dikawal Rapi

Ketua Odit Negara Tan Sri Ahmad Nordin menasihahkan kerajaan supaya menyemak semula cara-cara mengawal perbelanjaan agensi-agensi kerajaan yang sedia ada. Ulasannya berhubung dengan dasar kerajaan pusat untuk menjamin semua pinjaman yang dibuat oleh agensi-agensi kerajaan.

Sebagai contoh, kerajaan pernah menjamin pinjaman sebanyak \$21.4 juta dari sebuah bank kepada Syarikat Gula N.S. Sdn. Bhd. Kini syarikat itu telah bankrap

dengan hutang bernilai \$47 juta setakat Mac 1979.

Pada 1978, kerajaan telah menjamin pinjaman berbagi agensi yang berjumlah \$386.2 juta. Dengan ini, jumlah tanggungan hutang, yang dijaminkan kerajaan pusat, bernilai lebih kurang \$2 bilion.

Seperkara lagi, pinjaman sebanyak \$2.5 juta telah diberikan kepada 39 buah syarikat koperasi pada 1978 untuk membiayai berbagai projek, tetapi wang pinjaman sebanyak \$470 masih disimpan dalam bank sebagai akaun tetap.

Kementerian Pertahanan Cuai

Laporan Ketua Odit Negara 1978 menunjukkan sebanyak 33 buah kereta perisai dari jumlah 44 buah buatan Perancis telah rosak selepas diguna 2 tahun. Kereta-kereta itu yang bernama Panhard telah terbengkalai disebabkan kelambatan mendapat alat ganti dari syarikat pembuatnya.

Akhirnya, 2 orang jurutera Perancis telah berjaya memperbaiki 27 darinya dengan perbelanjaan \$197,970 lagi untuk berbagai alat-ganti. Baki 6 buah kereta bernilai \$1.16 juta tidak dapat diperbaiki.

Tan Sri Ahmad Nordin berkata 44 Panhard itu dibeli dengan harga \$10.5 juta, termasuk pembekalan alat ganti sehingga 1980.

Seterusnya, beliau juga mengecam Kementerian Pertahanan kerana gagal mendapatkan ganti-rugi dari suatu perjanjian dengan sebuah syarikat lain. Sehingga 1980, syarikat itu masih gagal membekal beberapa alat semenjak tarikh jadualnya pada Februari 1976, dan ini membolehkan kerajaan Malaysia menuntut \$224,623 sebagai ganti-rugi.

Inflasi Berkurangan

Bagaimanapun, kenaikan ini menunjukkan kadar inflasi telah turun sedikit dari 9.6% pada tahun 1981 kepada 6.2% sepanjang 8 bulan tahun 1982.

Masalah Sektor Pertanian



Pertambahan Indeks Harga Pengguna (IHP) di Malaysia telah berkurangan selaras dengan aliran di kebanyakan dunia kapitalis. (IHP adalah sukatan purata harga barang-barang dan perkhidmatan keperluan yang dibandingkan dengan harga pada tahun yang dijadikan asas, iaitu, harga pada tahun 1967 diberikan angka 100 unit. Indeks ini digunakan sebagai angka penunjuk kos sara hidup pada tiap-tiap tahun.) Angka IHP adalah 199.6 unit pada Ogos 1981, tetapi telah naik sedikit kepada 209.7 pada Ogos 1982.

Ini bererti nilai sebenar \$1 telah jatuh kepada 50.1 sen pada Ogos 1981 dan jatuh lagi kepada 47.6 sen pada Ogos tahun ini apabila dibandingkan dengan tahun 1967.

Bagaimanapun, kenaikan ini menunjukkan kadar inflasi telah turun sedikit dari 9.6% pada tahun 1981 kepada 6.2% sepanjang 8 bulan tahun 1982.

S. Husin Ali Menulis

Kemelesetan Ekonomi



Dalam ucapannya di PBB, Dr. Mahathir dengan tepat menyatakan kemelesetan ekonomi dunia adalah buatan manusia sendiri. Beliau menyalahkan Amerika Syarikat sebagai punca utama yang menyebabkan kemelesetan itu. Seterusnya beliau memberi amaran bahawa kekacauan, keganasan dan revolusi akan berlaku jika kamelesetan ekonomi itu tidak diatasi.

Pencak silat Dr. Mahathir di PBB itu sangat menarik. Segala pujian baginya daripada para sahabat dan rakan sejawatnya. Malangnya, pencak silat ini telah mengalami kemelesetannya sendiri apabila sehari kemudian Dr. Mahathir bersama Tengku Rithaudeen telah menyusun jari sepuluh dan berdatang sembah kepada pihak pemodal-pemodal Amerika sambil memohon belas kasihan agar melimpahkan rahmat modal mereka untuk dilaburkan di negeri ini.

Sebenarnya, dasar menarik modal asing untuk memersetkan pertumbuhan sektor swasta, dan dengan demikian, meningkatkan perkembangan ekonomi negara lebih banyak buruk daripada baiknya. Ia mengakibatkan ekonomi pergantungan yang kuat kepada negara-negara kaya di dunia.

Modal dilaburkan, tetapi keuntungan yang dipunggah keluar lebih besar; kilang-kilang didirikan, tetapi pembangunan tak-seimbang menambah lebarkan jurang antara sektor industri dengan pertanian dan golongan kaya dengan miskin; pekerjaan bertambah; tetapi keselamatan bagi pekerja-pekerja tidak terjamin dan kebersihan alam sekitar semakin tercemar; pertumbuhan ekonomi dicapai tetapi keruntuhan sosial serta moral bertambah buruk.

Lebih buruk lagi, ekonomi pergantungan ini menimbulkan keadaan tidak terkawal di mana apabila negara kaya

(seperti AS khususnya) bersen, maka negara-negara miskin atau kurang maju yang bergantung kepada mereka rebah diserang oleh demam sejema. Pergantungan ini tidak terbatas hanya pada ekonomi, bahkan melimpah luah kepada bidang politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan.

Sebagai contoh lihat saja pergantungan kita kepada rancangan-rancangan t.v., dari Barat. Cerita dan teknik filem-filem Barat mengagumkan; keindahan bangunan serta kejelitan gadis-gadisnya mengkhayalkan; dan bagi anak-anak kita, hero-hero mereka semuanya berkulit putih dan berambut perang atau keemasan. Semua ini adalah lanjutan dari penjajahan yang lama tetapi sekarang menjelma dalam bentuk yang baru.

Ekonomi negeri kita telah dibentuk asas-asasnya semasa penjajahan. Ekonomi penjajahan itu sekarang diperkuuh lagi perjalannya di atas landasan sistem kapitalis yang berkait atau bergantung rapat dengan negara-negara kapitalis besar di dunia.

Sungguhpun banyak negara sedang maju yang bergantung kepada ekonomi Ajerika telah menanggung akibat teruk tiap-tiap kali kemelesetan berlaku di negara gergasi kapitalis itu, namun Malaysia tidak pernah menanggung akibat seburuk itu.

Lebih dua puluh tahun dulu kita terselamat dengan harga getah yang baik; kira-kira sepuluh tahun dulu kita diselamatkan oleh harga kelapa sawit yang meningkat di pasaran dunia; pada kali ini, minyak petrol dan mungkin pada masa akan datang gas asli pula. Syukur,

Sungguhpun kesan kepada ekonomi negara secara keseluruhan tidak begitu teruk, tetapi akibatnya nyata adalah lebih berat ke atas setengah rancangan pembangunan dari-

pada rancangan yang lain, setengah sektor ekonomi dari pada sektor yang lain, dan seterusnya setengah golongan rakyat daripada yang lain.

Sebelum pilihanraya dulu semua pemimpin kerajaan dan para menteri mengatakan bahawa ekonomi negara teguh; mereka menafikan wujudnya kemelesetan ekonomi. Radio, T.V. dan akhbar-akhbar, yang semuanya dikuasai kerajaan, berpadu suara mengalunkan lagu kejayaan dan kemewahan.

Selepas tamat saja pilihanraya dan B.N. mencapai kemenangan besar, nada dan lagu mulai berubah. Kita menghadapi kemelesetan pula. Rakyat dan pemimpin diseru berkoran.

Kesan pertama daripada kemelesetan ekonomi ini ialah pemotongan dalam peruntukan belanjawan. Di pertengahan tahun, misalnya, kementerian, jabatan dan institusi diarahkan supaya memotong perbelanjaan. Di Universiti Malaya sendiri, kita diperintah memotong sebanyak 20% bagi tahun ini, dan mungkin lebih dari itu tahun hadapan.

Kita tidak mempersoalkan tentang kebijaksanaan dasar memotong perbelanjaan semasa kemelesetan. Yang kita persoalkan ialah: apakah dia ukuran yang digunakan untuk menentukan mana satu peruntukan yang hendak dikurangkan atau mana satu projek yang hendak dibatalkan.

Sebagai contoh, mengapa rancangan Dayabumi dan aerobus Kuala Lumpur diteruskan, manakala projek Hospital Umum Trengganu dan hospital daerah Kuala Trengganu (yang telah diperuntukkan \$50 juta di bawah RM4) dibatalkan? Sebab PAS menang beberapa kerusi di Trengganu? Walau bagaimanapun pada akhirnya ini Kerajaan telah meneruskan projek Hospital Umum Trengganu dan hospital daerah Kuala Trengganu sete-

lah menerima desakan hebat daripada rakyat.

Apabila peruntukan dikurangkan atau projek dipotong, maka tentu sekali peluang mendapat kontrek dan peluang pekerjaan berkurangan. Bahkan mungkin akan berlaku juga nanti pembuangan kerja. Pengurangan pendapatan dan pembuangan kerja telah pun berlaku, terutama sekali di kalangan mereka yang bergantung kepada pengeluaran barangan ekspot.

Beberapa tahun dulu, sejak harga kelapa sawit melangit, ramai peneroka-peneroka rancangan yang dibanggakan oleh kerajaan kerana berpendapatan lebih dari \$1000 sebulan. Setengah mereka dapat berlagak dengan kereta baru, T.V. baru dan juga peti sejuk baru.

Tapi sekarang harga kelapa sawit meleset. Kita pernah mendengar cerita bahawa ada yang dapat membawa balik hanya \$50 sebulan setelah dipotong segala jenis hutang. Maka yang baru-baru dulu sudah buruk belaka dan tentulah sudah meleset harganya jika hendak dijual atau digadai sekarang.

Seperti kelapa sawit, getah dan timah juga merupakan barang ekspot yang tidak tetap harganya, dan bergantung kepada harga pasaran dunia yang ditentukan oleh manusia-manusia kapitalis bercokol di negara-negara kaya itu.

Harga getah rendah. Ada di antara petani muda yang merasakan tidak berbaloi lagi hendak menyungkur pagi-pagi hari di batang-batang getah tua milik orang tua mereka dulu. Oleh itu, mereka berpindah mencari kerja di bandar dan di kilang, dan seterusnya meninggalkan masalah tanah terbiar yang lebih luas.

Di kalangan pekerja-pekerja lombong pula, ramai yang sudah dibuang kerja atau

pun diturunkan punca pendapatan, walaupun cerita mengenai mereka, seperti petani getah atau kelapa sawit, jarang benar terbit dalam media massa yang dikuasai kerajaan itu.

Tahun lalu, 153 lombong kecil pam kerikil ditutup dan 3811 orang pekerja dibuang. Adalah dijangkakan bahawa dengan pemotongan ekspot timah sebanyak 36% bagi Julai hingga September tahun ini, maka kira-kira 35,000 orang pekerja akan menanggur atau dibuang sementara.

Kesan kemelesetan ekonomi adalah lebih teruk ke atas golongan miskin yang menjadi petani dan pekerja. Pendapatan mereka menurun dan peluang pekerjaan setengah dari mereka terancam.

Dalam pada itu, inflasi terus meningkat. Harga barang-barang keperluan tidak turun-turun. Ada orang berkata, tiap-tiap yang naik itu akan turun juga kemudiannya. Tetapi, nampaknya harga barang bila sekali naik tidak turun-turun lagi. Hebat sekali!

Dalam keadaan pendapatan yang menurun dan harga barang yang meningkat ini, tentulah keadaan kemiskinan bertambah buruk. Agaknya juga sekarang dijalankan suatu tinjauan pendapatan di seluruh negara, maka akan didapati bahawa bilangan orang (terutama di kalangan nelayan, petani dan pekerja di kawasan luar bandar) yang di bawah garis kemiskinan adalah tinggi daripada anggaran kerajaan.

Apakah reaksi kepada kemelesetan dan kesan-kesannya ke atas negara dan rakyat? Kita telah melihat bahawa harga barang ekspot menuju, imbangan bayaran antarabangsa negatif dan pendapatan negara berkurangan.

Oleh kerana itu, salah satu reaksi kerajaan ialah untuk berjimat cermat. Itu sebaiknya dilaksanakan pemotongan ke atas peruntukan belanjawan bagi pembangunan.

Rakyat diseru supaya bersedia berkoran. Perdana Menteri pun mengumumkan bahawa beliau akan memotong gajinya. Reaksi seperti ini lebih merupakan langkah propaganda semata; lebih indah berita dari rupa.

Tapi apa kesannya? Bolehkah ia menyelesaikan masalah dan mengatas punca kemelesetan itu? Lagi pula, apakah erti pemotongan \$1000 atau \$500 bagi PM atau MB, manakala pendapatan mereka dari punca resmi dan tak resmi tidak terbatas? Dapatkah golongan miskin berjimat tanpa menjelas penghidupan anak isteri mereka?

Reaksi kedua dari kerajaan ialah dalam bentuk apa yang boleh kita gelar sebagai tindakan menjulungkan mata rakyat. Ini ialah cara memersangkan perhatian rakyat dari masalah yang benar-benar besar serta serius, seperti kemelesetan ekonomi, kepada masalah kecil sebenarnya, tetapi dibesar-besarkan melalui alat-alat propaganda kerajaan.

Lihat saja bagaimana masalah dengan dibesar-besarkan untuk melenyapkan masalah kemelesetan itu. Saya mengakui bahawa masalah nyamuk dengan itu serius juga. Tapi jika dibandingkan, masalah kemalangan dan kematian di jalanan raya lebih besar jumlahnya saban tahun.

Kalau benar diakui masalah kesihatan penting, mengapa mahu dipotong peruntukan bagi Kementerian Kesihatan? Mengapa mahu dibatalkan projek-projek seperti membina hospital di Kuala Trengganu? Malangnya juga, kempen anti-denggi ini sudah diperalatkan

oleh setengah pegawai kerajaan yang berlagak sebagai ahli politik untuk mendapat publisiti murah!

Reaksi ketiga pula saya gelar sebagai tindakan menggaikai masa depan negara. Kekayaan negara ini bergantung kepada sumber-sumber asli. Ianya sangat terbatas. Bijih terbatas, kayu-kayuan terbatas, minyak petrol terbatas. Bekalan bahan-bahan ini akan pupus dalam batasan masa yang singkat.

Pada masa ini petrol menyelamatkan negara daripada akibat sepenuh kemelesetan. Sepatutnya kita mengeluarkan hanya kira-kira 150,000 tong minyak setahun. Tetapi ini sudah dinaikkan mula-mula kepada 180,000 tong dan sekarang hingga 300,000 tong.

Memang benar bahawa dengan menjual lebih banyak minyak, pendapatan negara akan bertambah. Tapi dasar ini, walaupun menyelamatkan pada jangka pendek, dalam jangka panjang ia akan menjaskan masa depan negara. Minyak kita akan segera pupus.

Apakah yang hendak kita tinggalkan bagi anak cucu kita nanti? Syarikat-syarikat asing memang suka dengan dasar melipatgandakan pengeluaran ini. Ini ialah satu cara mereka mendapatkan seberapa banyak sementara boleh. Lagi pula pada hitungan mereka, wang yang diperolehi sekarang lebih tinggi nilainya daripada kemudian kelak.

Bagaimana reaksi dari rakyat? Bukankah mereka yang paling teruk menanggung beban? Adakah mereka akan berdemonstrasi atau lebih lanjut lagi berevolusi hingga menjatuhkan kerajaan, sebagai mana yang ditakuti oleh Dr. Mahathir?

Sebenarnya, Dr. Mahathir barangkali hendak menakut-nakut atau mengugut-ngugut setengah pihak di Amerika saja. Dia cuma mengacah-acah dalam silat pencaknya. Beliau tahu bahawa dalam negerinya keadaan masih boleh dikawal.

Ada alat-alat propaganda yang boleh mendodoikan lagu-lagu kepalsuan. Ada isu-isu agama dan perkauman yang boleh dibesar-besarkan. Ada bermacam undang-undang yang boleh digunakan untuk menakan dan menakutkan rakyat daripada bertindak. Tetapi sejauh mana ada selama bila ini boleh diteruskan?




Keadaan meleset yang mempunyai kesan ekonomi serta sosial buruk ketika ini, dan yang boleh mengancam kedudukan stabil politik perintah sekarang ini, tidak mungkin diselesaikan dengan mengambil langkah-langkah indah berita dari rupa, menjulungkan pandangan rakyat, menggadai masa depan negara atau dengan mencekik demokrasi.

Seharusnya, keadaan kemelesetan ini digunakan oleh pihak pemerintah untuk mengulangi dan merombak sistem ekonomi yang diwarisi dari zaman penjajahan. Kita tidak harus memperteguh sistem pergantungan, tetapi mencari jalan untuk menguatkan sistem lebih berdikari. Kita tidak harus meneruskan sistem yang melindungi golongan kaya, tetapi yang memperjuangkan hak serta nasib golongan ramai yang tertindas.

Selagi sistem ekonomi, politik dan sosial yang menguatkan golongan sudah kuat di peringkat antarabangsa dan negara diteruskan, maka selah itulah kita tetap akan demam sejuk bila orang lain bersen, dan rakyat kita yang miskin boleh merana dan lebih ramai mati kerana tidak ada perlindungan.



SABRA! CHATILA!



Perhubungan Beijing — Washington — Moskow Berubah Lagi

Adnan Husin

Sehingga awal tahun enam puluhan, Beijing telah menganggap Amerika Syarikat (AS) sebagai musuh ketatnya dan Uni Soviet (USSR) sebagai negara sahabat. Tetapi, ekoran dari perpecahan di dunia sosialis, USSR bukan dianggap sebagai sahabat lagi oleh Beijing. Namun demikian, AS tetap dianggap sebagai musuh utamanya.

Selepas satu pertikaian di sempadan China-USSR pada bulan April 1969, Moskow telah dianggap oleh Beijing sebagai sama buruk dengan Washington. Malahan, lamakelamaan Moskow telah dianggap sebagai lebih merbahaya dari AS. Di samping itu, kutukan terhadap AS pun bertambah kurang dan perjalanan persahabatan kian erat.

Semenjak 1969, Beijing menganggap dirinya sedang dikelilingi oleh Russia dan negeri-negeri yang dianggap pro-Moskow (iaitu India dan Vietnam). Malahan, Beijing menganggap pemimpin Russia hanya sedang menunggu suatu masa yang sesuai untuk menyerangnya walaupun dengan perang nuklear sekalipun. Kepercian dari dunia Barat dan blok Soviet telah mendorong pimpinan China merubah pandangannya terhadap Barat dan memulakan persahabatan dengan Washington, Tokyo dan negara-negara ASEAN.

Apabila Hanoi lebih merapatkan dirinya dengan Moskow selepas tahun 1975, pemimpin Baru China berusaha kuat bagi menghalang apa yang dianggapnya sebagai pengepungan Soviet dari utara dan Vietnam dari selatan.

Serampang pertama dalam dasarnya ialah menyokong kerajaan Pol Pot di Kampuchea. Serampang kedua ialah menyokong pertubuhan ASEAN supaya menentang Hanoi. Ketiga, China nampaknya sanggup menyokong kehadiran pengkalan tentera AS di rantau ini seperti di Teluk Subik, Filipina.. bagi menghadapi pihak Soviet.

Beijing pernah menjadikan penentangnya terhadap Soviet sebagai dasar luar negerinya yang utama dan telah melaksanakannya dengan bersungguh-sungguh dan secara aktif sehingga ia merata-rata dunia China kelihatan sedang bersaing hebat dengan USSR bagi mendapatkan pengaruh.

China telah cuba meyakinkan negara-negara di Dunia Ketiga tentang apa yang dikatakan bahaya dari Moskow.

Tetapi, semakin lama semakin nyata bahawa tidak banyak negara yang menganggap USSR demikian; malahan, di Asia Barat dan Afrika, Moskow adalah pembekal senjata yang utama kepada golongan-golongan yang menentang Israel dan regim apartheid di Afrika Selatan.

Selepas meletusnya kontroversi tentang penjualan senjata AS kepada Taiwan pada tahun lalu, sikap Beijing terhadap Washington dan Moskow nampaknya mula berubah. Kini China melaksanakan polisi yang dianggap oleh setengah pihak sebagai lebih seimbang walaupun ia masih cenderung kepada Washington. Pendirian baru China ini telah dihuraikan dalam Konggres ke-20 Parti Komunis China yang diadakan pada bulan September lalu oleh ketuanya, Hu Yaobang.

Hu telah menegaskan bahawa "negeri China mempunyai dasar luar negeri yang bebas dan tidak memihak kepada mana-mana kuasa besar atau pakatan kuasa besar." Seperti biasa, Hu menyaman dasar luar China dengan citacita Dunia Ketiga dan membidas hasrat-hasrat AS dan USSR untuk menguasai dunia.

Berlainan dari dahulu, kebenaran Hu tidak mengutuk Russia secara berlebihan tetapi menuduh Moskow dan Washington bersama-sama menjadi punca utama kacau-bilau dalam dunia kini, Hu mengatakan bahawa persaingan antara kedua-duanya untuk menguasai dunia telah meningkatkan bahawa perang dunia di zaman ini.

Nampaknya, China sedang menjauhi dirinya dari kedua-dua kuasa besar supaya ia dapat dianggap sebagai pemimpin kepada negara-negara Dunia Ketiga — satu usaha yang telah diabaikannya sejak Deng Xiaoping mengambil alih kuasa empat tahun dahulu. Tetapi, perubahan dalam pendirian Beijing ini masih tidak menimbulkan keraguan serius di Washington.

Walaupun Beijing masih cenderung kepada Washington, ini tidak bermakna bahawa perhubungan Beijing-Moskow tidak boleh diperbaiki. Dalam beberapa waktu kebelakangan ini, pihak Soviet telah membuat beberapa cadangan perdamaian kepada Beijing yang menyambutnya secara dingin. Sebaliknya, China menuntut supaya askar-askar Soviet diundurkan dari sempadannya terlebih dahulu; tetapi Moskow nampaknya menolak sebarang syarat yang diletakkan oleh Beijing. Namun begitu, pihak Soviet telah menyatakan persediaannya berunding bagi menyelesaikan segala masalah dan akhirnya pihak China bersetuju. Satu pertemuan sulit antara Timbalan Menteri Luar Negeri


kedua-dua negara telah diadakan di Beijing pada awal September lalu.

Bersamaan dengan itu, beberapa perhubungan baru telah dimulakan dalam bidang ekonomi dan kebudayaan. Satu perjanjian pengangkutan telah ditandatangani empat bulan dahulu. Satu lawatan perwakilan perdagangan China ke Moskow telah dibalas dan ahli-ahli sukan Soviet telah juga mengunjungi Beijing. (Hubungan China-AS pada awal tahun 1970an telah bermula dengan lawatan pasukan ping-pong AS ke China dan sebaliknya).

Dalam satu lagi perkembangan, Russia telah mengistiharkan bahawa ia tidak akan menjadi negara yang mula menggunakan bom nuklear. Jika pengistiharan Soviet ini tidak diragui oleh China, maka ini akan menghilangkan keimbangannya tentang kemungkinan USSR hendak menghancurnya dengan perang nuklear.

Bagi pihaknya, Beijing tidak lagi mensifatkan USSR sebagai negara sosial imperialis dan revisionis. Pada amnya, polemik yang hebat pada suatu masa dulu hampir tidak kedengaran lagi. Sebaliknya, kecaman terhadap AS sedang meningkat. Namun begitu Beijing masih menganggap kemaraan pengaruh Soviet di dunia sebagai bahaya utama baginya.

Dari segi analisanya menegaskan Dunia Ketiga, sebuah rencana dalam majalah Beijing Review, yang merupakan lidah resmi pimpinan China, telah berkata bahawa "keadaan di Dunia Ketiga amat berbeza sekali. Separuh dari Dunia Ketiga diancam oleh kuasa Uni Soviet dan yang lain pula ditindas oleh AS. Tiap-tiap bangsa berhak menetapkan yang mana satu menjadi musuh utamanya dan kerajaan China akan menghormati pendirian mereka."



Amerika Syarikat Membekal Senjata Kepada Indonesia

Amerika Syarikat bercadang akan membekal banyak senjata kepada Indonesia pada tahun 1983. Bantuan Washington kepada negara ini telah bertambah semenjak 10 tahun dahulu, terutama sekali selepas serangan ke atas Timur-Turmu pada 1976.

Sehari sebelumnya, Presiden Ford telah melawat Jakarta dan berjanji akan membekalkan senjata seperti 16 kapal terbang pengangkutan Bronco dan 40 buah kereta perisai.

Seorang pakar tentera Amerika, bekas Admiral La Roque berpendapat bahawa penggunaan pesawat Bronco telah membolehkan tentera

Indonesia mara jauh ke dalaman bagi memburu gerila Fretelin.

Apabila bekalan senjata Indonesia telah merosot pada tahun 1978 setelah perang menjadi hebat, Washington telah membekalkan sebanyak AS\$130 juta berbanding dengan hanya \$30 juta sebelumnya.

Baru-baru ini, selepas lawatan Menteri Pertahanan Indonesia, Jen. Jusuf ke Amerika, satu persetujuan telah diadakan supaya Indonesia boleh mendapat bantuan senjata dengan lebih cepat.

Sehubungan dengannya, Jakarta juga diberi lesen mengeluarkan beberapa jenis senjata A.S.

Kerjasama Tentera ASEAN

Baru-baru ini, Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew telah mengesyorkan di Jakarta supaya ASEAN menubuhkan satu pakatan tentera.

Walaupun sambutan pada dia digingin, seruan beliau nampaknya berhasil dari berbagai-bagi kerjasama tentera yang telah berlaku selama ini.

Sebagai misalan, satu pasukan dari Malaysia telah membuat latihan bersama dengan tentera Indonesia dekat Medan, Sumatra selama 10 hari pada bulan Ogos lalu. Mengikut Bernama, ini adalah kali ketiga bagi pasukan itu.

Gerakan bersama sering diadakan di sempadan Malaysia/Indonesia dan Malaysia/Thailand bagi memperkuatkan persahabatan antara ketiga angkatan bersenjata berkenaan, meskipun suatu pakatan tentera belum diadakan.

Singapura juga telah mengadakan satu latihan bersama dengan tentera udara Amerika yang berpengkalan di Filipina selama seminggu.

Ekonomi Singapura Merosot Juga

Kisah kejayaan Singapura, yang mencapai kadar pertumbuhan setinggi 10% setahun pada dekad lalu, akhirnya menjadi mangsa kepada kemelesetan ekonomi dunia yang dialami oleh negara-negara maju yang berdagang dengannya.

Ekonomi republik ini telah bertambah dengan kadar hanya 6.8% setahun saja dalam separuh tahun 1982, manakala ia mencapai 10.3% dalam tempoh yang sama pada tahun 1981.

Sektor pembuatan khasnya kelihatan terjejas sekali. Pertumbuhan pengeluaran dalam sektor ini merosot pertama kali dalam 7 tahun kepada 1.2% sahaja.

Kerajaan Singapura terpaksa mempercepatkan semua

projek-projek pembinaan, termasuk sistem pengangkutan kereta api bawah tanah yang bernilai \$5 bilion, bagi mengelakkan masalah pengangguran yang dijangka akan bertambah apabila sektor-sektor lain merosot.

Justeru itu, dari Januari hingga Mac tahun ini, sektor pembinaan telah bertambah 30.2%, walhal sektor ini tidak sampai 10% pada tahun lalu.

Pada bulan Mei, Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Dr. Tony Tan memberi amaran bahawa tambahan gaji yang tinggi sebanyak 20%, yang dinikmati telah dalam 3 tahun lalu, tidak boleh diharapkan lagi.

Untuk meyakinkan pelabur asing yang tertarik ke Singapura dengan penawaran

buruh cekap dan murah, kerajaan bercadang meningkatkan lagi daya pengeluaran pekerja Singapura.

Kesatuan-kesatuan sekerja di Singapura selalu patuh kepada matlamat Parti Tindakan Rakyat (PAP) dan Konggres Kesatuan Sekera Kebangsaan (NTUC).

Setiausaha Agung NTUC ialah Menteri Tanpa Portfolio, Lim Chee Onn yang dipilih oleh Lee Kuan Yew sebagai pemimpin jenerasi keduanya.

Cadangan kerajaan untuk memulakan rundingan bersama antara pihak pekerja dan majikan tidak bermanfaat kepada kaum pekerja; malah, kemungkinan besar kerajaan hendak menyekat tambahan gaji di masa depan melalui cara ini.

Pemodenan China: Sosialis Atau Kapitalis?

Jack A. Smith

Kongres Parti Komunis China ke 12 bertemakan pemodenan negara menjelang tahun 2000 baru-baru ini berjalan selama 10 hari. Bagi mencapainya, pimpinan PKC telah membentangkan suatu rancangan bagi memperkuatkannya kekuatan politik, mengubah garis pembenaran lencungan ideologi dan reformasi struktur sosio-ekonomi.

Kini, pemodenanlah dianggap tugas utama parti yang dianggotai 40 juta orang, menurut ucapan resmi Setiausaha Agung PKC, Hu Yao Bang.

Maka, pertentangan pokok dalam masyarakat China kini bukan lagi perjuangan kelas tetapi pertentangan antara "keperluan rohani dan jasmani yang kian berkembang dengan pertumbuhan ekonomi kita yang masih mundur," mengikut kata-kata yang termaktub dalam perlembagaan parti yang baru.

Pencapaian matlamat-matlamat pemodenan, termasuk pertambahan pengeluaran ekonomi dengan kadar 400% menjelang tahun 2000, akan menjadikan negeri China, dengan 1 bilion orangnya, sebuah kuasa dunia pada abad ke-21. China akan menggunakan kekuatan ini bagi menyoh-

kong kepentingan Dunia Ketiga dalam menentang hegemonisme dua kuasa agung.

Demi tujuan ini, kerajaan Beijing, dengan nyatanya, sedang merintis suatu dasar yang lebih seimbang di antara Washington dan Moskow, walaupun masih memihak sedikit kepada A.S. Malah, Hu menyatakan bahawa China sedang menimbang dengan teliti langkah-langkah untuk memperbaiki perhubungan negara dengan Uni Soviet pada masa akan datang.

Tujuan pemodenan ini bukanlah perkara baru. Ia adalah salah satu matlamat mendiang Mao ZeDong dulu walaupun dianggapnya kurang penting dari perjuangan kelas. Sejak kematian Mao pada tahun 1976 dan kebangkitan kuasa golongan sederhana kana yang dipimpin oleh Deng Xiao Ping, pemodenan telah dijadikan tujuan utama, sedangkan perjuangan kelas diketepikan.

Konggres PKC ke-12 adalah bersejarah kerana ia membuktikan bahawa Deng telah berjaya memecahkan ramai dari golongan kiri dan meningkir pengaruh ideologi mereka untuk memajukan rancangan pemodenan yang dijanjui oleh golongan kanan dan pertengahan.

Antaranya, konggres itu menyarankan suatu ekonomi campuran yang membenarkan perkembangan terhad sektor swasta kapitalis, penggunaan perangsang kebendaan untuk menambahkan pengeluaran, pasaran yang lebih bebas dan pelaburan dari luar negeri. Langkah-langkah ini telah diikut oleh Mao ZeDong dahulu sebagai usaha-usaha memulihkan kapitalisme.

Golongan Deng Terus Berkua

Sebenarnya, golongan Deng Xiao Ping telah menjadi lebih kukuh di konggres itu, hasil dari kempen anti-kiri yang dilancarkannya selama 6 tahun dan masih berterusan.

Kumpulan sederhana kanan, yang dipimpin oleh Deng, memperolehi majoriti yang kuat dalam Jawatankuasa Pusat PKC, Biropolitik, majlis Tertinggi, pejabat Uruscia — yang sedang diperkuatkan dan diketuai oleh Hu Yaobang — dan Suruhanjaya Penasihat Pusat (SPP) yang baru ditubuhkan.

Sebagai pemimpin China yang sebenar (*de facto*), Deng telah mengelakkan jawatannya dalam Biropolitik dan Majlis Tertinggi dan juga memimpin Suruhanjaya Tentera yang mengarah angkatan tentera.

Beliau juga dilantik sebagai pengurus SPP, yang diwujudkan untuk menggalakkan pemimpin tua supaya melepaskan jawatan-jawatan mereka kepada golongan muda. SPP kini dianggotai oleh 160 orang. Bagaimanapun, beberapa orang anggota tua yang dijangka akan memasuki SPP itu, seperti Ye Jian Ying dan Li Ziang Nian, nampaknya enggan membuat demikian.

Usaha Deng untuk menambahkan tenaga muda dalam Jawatankuasa Pusat telah berjaya di mana umur purata diturunkan dengan kemasukan para teknokrat muda beramai-ramai.

Sebaliknya, Hu Go Feng telah disingkir dari Biopolitik, walaupun masih kekal di Jawatankuasa Pusat, di mana ia tidak berpengaruh lagi. Hu telah dilantik Perdana Menteri oleh Mao Ze Dong pada tahun 1976, lalu mengambil alih jawatan pengurus PKC selepas kematian Mao. Ia digantikan sebagai Perdana Menteri oleh Zhao Zi Yang pada tahun 1980 dan sebagai pengurus PKC oleh Hu, setahun kemudian, keduanya mengikut hasrat Deng.

Dalam ucapannya, Hu menyindir Hu secara tidak langsung apabila ia menggacam seorang bekas pemimpin utama

yang berdegil meneruskan kesilapan-kesilapan kiri dalam perkara-perkara penting selepas penangkapan "Kumpulan 4".

Oleh kerana desakan dari golongan kanan dan untuk memperkuatkan kedudukannya sendiri, Hu telah menangkap ahli-ahli "Kumpulan 4," iaitu, penyokong-penyeorang utama Mao semasa Revolusi Budaya dahulu, tetapi ia tidak berjaya mempertahankan kedudukannya serta ajaran Mao dari serangan Deng.

Pemimpin Tertinggi Dipecat

Kecuali beberapa orang tokoh yang masih kekal, golongan kiri dalam PKC telah disingkir dengan berkesan sekalii dari pucuk pimpinan. Namun, keadaan berlainan di kalangan bawah dan pertengahan.

Lebih kurang 20 juta orang menjadi anggota pada zaman Revolusi Budaya, dan setengah dari mereka pasti menentang pimpinan Deng atau sekurang-kurangnya mempersoalkan dasar-dasar barunya.

Mungkin kumpulan inilah yang Hu maksudkan apabila ia mengkritik setengah anggota yang tidak dapat membebaskan diri dengan sepenuhnya dari pengaruh kesilapan "kiri" dulu. Penyelesaian parti terhadap masalah ini ialah dengan melancarkan suatu kempen penyingkiran ahli selama 3 tahun, yang mungkin akan melibatkan berjuta-juta anggota parti.

Hu juga membidas beberapa pendirian yang diambil di Konggres ke-11 pada tahun 1977, setahun selepas kematian Mao. Ia berpendapat bahawa konggres itu "tidak cukup sedia untuk menghapuskan kesilapan kiri pada keseluruhannya." Lapuran politik Konggres ke-11 "masih memegang kepada teori, dasar dan cogakata Revolusi Budaya yang salah," tambahnya.

Semenjak itu, menurut Hu, "Jawatankuasa Pusat telah menghapuskan dengan sistematisnya teori salah 'melanjutkan revolusi di bawah diktator proletar' yang terbit sewaktu Revolusi Budaya." Dengan itu, Parti Komunis China telah menyangkal salah satu prinsip utama ajaran Mao.

Perlembagaan baru yang diluluskan di Konggres ke-12 ini menyatakan bahawa "selepas penghapusan kelas-kelas peindas, kebanyakannya perbezaan dalam masyarakat China tidak mempunyai sifat perjuangan kelas dan perjuangan kelas tidak lagi merupakan pertentangan utama. Bagaimanapun oleh kerana keadaan dalam negeri dan pengaruh asing, perjuangan kelas akan terus wujud meskipun terkawal pada masa jangka yang agak panjang dan mungkin akan jadi hebat dalam keadaan tertentu."

Tetapi PKC masih menyambung Mao Ze Dong sebagai tokoh Marxis-Leninis yang agung, meskipun pimpinan baru mempertikaikan sumbangannya dalam 20 tahun kebelakangan ini. Penentangan terhadap golongan kiri parti telah menyatu-padukan golongan kanan dan sederhana.

Namun, perbezaan-perbezaan masih wujud di kalangan mereka, terutamanya dalam soal setakat mana perubahan-perubahan patut dan boleh dilaksanakan dalam sistem kerajaan.

Umpamanya, kumpulan Deng dikatakan mempunyai banyak lagi rancangan-rancangan bagi memodenkan China dari apa yang disetujui oleh seluruh parti hingga kini. Satu kumpulan sederhana yang penting dikatakan puas hati dengan perubahan-perubahan yang sedia ada dan menentang sebarang perubahan tambahan. Sama ada perbezaan ini akan menjadi rumit hingga memecahkan pucuk pimpinan tidak dapat diramalkan. (sumber Guardian)



China Mengiktirafkan Angola

Dalam satu kemenangan diplomatik untuk Angola, kerajaannya dan China telah mengumumkan pada 27 September lalu bahawa kedua-duanya mengiktirafkan satu sama lain dan akan mengadakan perhubungan diplomatik.

China telah enggan mengakui Kerajaan MPLA di Angola kerana ia mempunyai perhubungan erat dengan Uni Soviet dan menerima tentera Cuba untuk membantunya menewaskan pergerakan gerila Unita yang diskong oleh Amerika Syarikat dan Afrika Selatan. Pada masa perang

saudara itu (1976), China telah menyokong Unita sebab ia menolak bantuan Soviet. Tindakan China mungkin tidak disambut baik oleh Pentadbiran Reagan yang menggunakan kehadiran tentera Cuba di Angola sebagai alasan untuk memulau Angola.

Amerika Syarikat adalah satu-satunya kuasa barat yang tidak mempunyai perhubungan diplomatik dengan Angola. Pada bulan lalu, Amerika Syarikat dan Angola mengadakan rundingan baru mengenai beberapa perkara, ter-

masuk hubungan diplomatik. Namun tiada tanda bahawa Washington kini sudah mengubah pendirianya mengenai tentera Cuba, yang sebenarnya juga mencerminkan pendirian Afrika Selatan.

Pentadbiran Reagan menyokong pendapat Pretoria bahawa tentera Cuba menjadi satu penghalang kepada kemerdekaan di Namibia, negara jiran Angola. Sebaliknya, Luanda memerlukan bantuan tentera Cuba bagi mematahkan serangan Afrika Selatan yang sentiasa mengancamnya.

Pulau Hong Kong telah dirampas oleh Britain pada tahun 1841, dan diserahkan kepada London bagi "selamalamnya" dalam Perjanjian Nanking, 1842. Dua wilayah lain pula diserahkan melalui Perjanjian Beijing 1860. Se-

Masa Depan Hong Kong

terusnya, kawasan yang digelar Wilayah Baru (New Territories) telah disewakan kepada Britain selama 99 tahun dalam Perjanjian Beijing, 1898.

Penyejawatan ini akan tamat 15 tahun lagi. Kini, kerajaan China sedang menuntut bukan sahaja Wilayah Baru, tetapi bahagian-bahagian lain juga. Pendirian China ialah bahawa wilayah-wilayah berkenaan telah dilepaskan dalam perersetujuan-persetujuan yang dipaksakan oleh Britain atas Negara China.

Pada dasarnya, Britain tidak bersetuju dengan pendirian China tentang daerah yang diserahkan melalui perjanjian-perjanjian lama, tetapi Hong Kong bukanlah Kepulauan Falklands yang dapat dipertahankan dengan mudah.

Seperkara lagi, Hong Kong tidak boleh hidup tanpa Wilayah Baru yang merupakan lebih 80% daripada seluruh kawasannya sebesar 500 batu 1

persegi.

Dalam suatu kenyataan bersama selepas mesyuarat antara Thatcher dengan Deng Xiao Ping, kedua-dua negara telah bersetuju untuk memelihara kestabilan dan kemakmuran Hong Kong. Deng menasihati para pelabur supaya mententeramkan fikiran mereka.

Perdana Menteri Zhao Zi Yang pula telah memberitahu para pemberita bahawa "Saya tidak fikir soalan kedaulatan akan mengganggu kemakmuran Hong Kong.... Saya tidak fikir Hong Kong harus bimbang tentang masa depannya."

China memperolehi lebih kurang 40% daripada wang pertukaran asingnya melalui Hong Kong; oleh itu ia mempunyai alasan yang baik untuk mengelakkan kedudukannya pada masa depan.

Tambahan pula, Beijing adalah sensitif kepada hakikat bahawa jika ia gagal menyerap sistem kapitalis Hong Kong, matlamatnya untuk memujuk Taiwan kembali ke tanah besar secara aman akan terjejas. Untuk menarik minat Taiwan ke pentadbiran Beijing, China berjanji akan menghormati sistem ekonomi kapitalis di pulau itu.

Meskipun ramai penduduk Hong Kong sebanyak 5.2 juta sedang menikmati kemewahan sistem kapitalis, tetapi terdapat juga golongan bawahan yang terbanyak dalam keadaan miskin dan melarat. Bentuk kerajaan Hong Kong selepas pengunduran British belum lagi dapat dipastikan.

Kegagalan

Anwar Sadat

Perjanjian perdamaian Kem David 1978 tidak dapat memulihkan ekonomi Mesir seperti yang diharapkan oleh Allahyarham Anwar Sadat. Walaupun wilayah Sinai dengan telaga minyaknya telah dipulangkan oleh Israwl, belanjawan perang dapat dikurangkan dan Washington menghulurkan bantuan berjuta-juta dollar, namun ekonomi negara itu terus merosot.

Presiden Mubarak sedar tentang keadaan genting di kalangan rakyat. Pada Ogos lalu, beliau telah memecat 7 menteri kabinet yang bertanggungjawab dalam hal ekonomi, dan mengekalkan subsidi makanan meskipun kurangan belanjawan adalah sebanyak AS\$13 bilion.

Subsidi itu bertujuan mengelakkan terjadinya rusuhan orang ramai seperti berlaku pada tahun 1977. Kini, beberapa jenis makanan harian sukar didapati dan taraf hidup penduduk-penduduk di Kaherah terus merosot.

Bandar Kaherah sudah tidak mampu menampung jumlah penghuninya. Kemudahan-kemudahannya hanya sesuai bagi 3 juta orang, tetapi sekarang terdapat 15 juta yang kebanyakannya menduduki kawasan-kawasan setinggan.

Akibatnya, keadaan sudah tidak terkawal lagi, parit dan longkang runtuh dan tersebut, jalanraya berlopak dan penuh dengan timbunan sampah dan najis, dan perkhidmatan bas sudah tidak mencukupi.

Amerika Mengugut Dunia

Amerika Syarikat baru-baru ini telah mengancam akan menarik diri Bangsa-Bangsa Bersatu serta membatakan semua pembayaran kepada B.B.B. jika perhimpunan Agung B.B.B. itu menyengkir Israel dari B.B.B.

Setiausaha Negara Amerika Syarikat, George P. Schuetz menyatakan bahawa A.S. akan mengeluarkan perwakilannya dari Pertubuhan Telekomunikasi Antarabangsa yang bergabung dengan B.B.B. dan menggantungkan semua pembayaran kepada kalau rancangan Arab untuk menyengkir Israel berjaya. Ugutan demikian sudah dilakukan terhadap Suruhanjaya Tenaga Atsmik Antarabangsa yang telah menyengkirkan Israel dari badan itu baru-baru ini.



Amerika Syarikat Diperbesarkan

Pasukan Gerak Khas (atau komando) tentera Amerika Syarikat sedang diperbesarkan untuk memikul tanggungjawab yang akan bertambah di masa

lebih kurang 500 orang tahanan politik yang kebanyakannya dari golongan Islam.

Mungkin juga kerana desakan pemimpin-pemimpin Islam, sebuah jawatankuasa parliment sedang menyiasat satu cadangan bagi mendirikan satu pemerintahan mengikut undang-undang Syariah.

Bagaimanapun ini tidak mungkin berlaku sebab kebanyakannya masyarakat Mesir adalah sekular dan moden. Lagipun terdapat 6 juta Kristian di negara itu.

Anwar Sadat mengharapkan Perdana Kem David dapat mengurangkan perbelanjaan tentera dan mendapat bantuan dari Washington bagi pemuliharaan ekonomi.

Tetapi Mesir masih mempunyai kekuatan tentera yang besar, mungkin untuk mengurangkan jumlah pengangguran; malah, kebanyakannya bantuan AS ditumpukan kepada tentera dan bukan untuk ekonomi.

Malahan, Kem David telah menggugat ekonomi Mesir sebab negara-negara Arab telah memulaukannya, khususnya Arab Saudi yang pernah memberi bantuan berbilang ribu juga ringgit yang percuta atau dengan kadar bunga yang rendah.

Kini, Presiden Mubarak sedang memperbaiki perhubungan Mesir dengan jiran-jirannya. Ini menjadi dasar luar negeri utama baginya.

Walaupun orang ramai tidak ingin berperang lagi dengan Israel, mereka menyedari bahawa perjanjian Kem David gagal. Malah, begin selalu membuat Mesir serba-salah di kalangan negara-negara Arab. Bagaimanapun, semenjak peristiwa pembunuhan di Beirut, Presiden Mubarak telah mula mengecam Israel.

Beliau telah membebaskan

Pasukan Komando

Ghotbzadegh

Dihukum Mati

Bekas Menteri Luar Iran, Sadegh Ghotbzadegh telah ditembak mati baru-baru ini oleh kerajaan yang beliau telah bersama-sama memperjuangkan di samping Ayatollah Khomeini selama 20 tahun. Beliau didapati bersalah kerana terlibat dengan satu kumpulan yang hendak menggulingkan regim ulamak dan dihukum bunuh oleh mahkamah Iran.

Beliau telah kembali ke tanahair bersama Khomeini yang disanjungnya selepas kejayaan revolusi Februari 1979. Sebagai menteri yang bertanggungjawab di bidang penyebrangan, beliau telah merombak kakitangan dan rancangan di radio dan televisyen bagi me-

nesuaikannya dengan nilai-nilai Islam dan pemerintahan baru.

Ghotbzadegh dikatakan sebagai yang angkuh dan bongkok. Beliau nampaknya terperdaya oleh kebolehannya dan percaya bahawa ia mempunyai ramai penyokong-penyokong di kalangan orang awam dan mampu mencabar pengaruh ulamak yang kian meluas. Nyatahal, beliau sudah tersikap besar kerana sebenarnya semua kekuatannya datang dari sokongan Khomeini.

Ghotbzadegh telah meletak jawatan selepas peristiwa banduan Amerika tetapi terus menyuarakan tidak puas hatinya dengan pimpinan ulamak. Akhirnya beliau ditangkap de-

ngan tuduhan menyertai satu komplot anti-kerajaan. Beliau telah mengakui tuduhan itu tetapi telah menafikin sebarang rancangan hendak membunuh Khomeini.

Sasaran lain

Perbicaraan Ghotbzadegh telah digunakan oleh kerajaan untuk menindas seorang tokoh pembangkang yang terkenal. Ayatollah Shariat-Madari yang sangat popular di wilayah Azerbaijan dan kalangan orang ramai. Menantunya telah dihukum bersama Ghotbzadegh dan beliau sendiri dikenakan perintah berkurni.

Ketika ini, Iran menghadapi beberapa masalah rumit, antaranya kekurangan barang makanan, kecuali sayur dan buah-buahan. Perangnya dengan Iraq telah menyebabkan beribu-ribu pemuda terbunuh tanpa mencapai perdamaian. Di samping itu, golongan pentadbir masih giat membunuh pegawai-pegawai kerajaan, dan sebagai tindak-balas, beratus orang telah ditembak dalam penjara-penjara Iran.

Walaupun Sadegh Ghotbzadegh merupakan seorang yang angkuh, nasib beliau adalah sama dengan beribu-ribu pejuang lain yang telah berkorban untuk menggulingkan regim Shah dan menegakkan kebebasan.

Akhbar

Perang Iran-Iraq Tidak Dapat Mengatasi Krisis Iran

Peperangan Iran-Iraq telah melahirkan banyak masalah bagi kedua-dua negara, khasnya Iran. Menurut suatu sumber peristik Barat, pemberontakan telah berlaku di kalangan para sukarelawan Iran yang digelar Bassidj.

Sukarelawan Bassidj terdiri dari anak-anak muda dalam umur belasan tahun yang dikera ke medan perang tanpa latihan yang cukup dan diguna sewenang-wenang untuk menggempur barisan Iraq secara membabi buta.

Ketua Mojahedin Khala (Rakyat), Massoud Rajavi mendakwa baru-baru ini bahawa masalah Bassidj ini adalah kerana mereka dipaksa menyerang tentera Iraq secara melulu oleh pemimpin tentera.

Gejala bunuh-membunuh di antara kerajaan dan penentangnya belum lagi reda di Iran sehingga ini, menurut pejabat Mohahedin di Paris.

rangan balas terhadap rejim Khomeini. Menurut suatu laporan majalah Time, lebih kurang 70 orang Pengawal Revolusi dibunuh setiap minggu oleh pejuang Mojahedin di bandar Tehran sahaja.

Antara pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang dibunuh oleh Mojahedin baru-baru ini

ialah seorang pegawai tinggi Parti Republik Islam yang terlibat dalam penekanan kaum pekerja.

"Di bawah pemerintahan Khomeini, kaum pekerja Iran tidak menikmati apa-apa, malah ia mengalami kekejaman dan penindasan," menurut suatu kenyataan Mojahedin.

Setengah golongan mendakwa bahawa Khomeini sedang mengambil kesempatan perang Iran-Iraq untuk membangunkan fikiran rakyat dari masalah-masalah dalam negeri dan mungkin inilah yang menyebabkan ia berdegil untuk berunding demi menamatkan perang itu.

ancaman kepada Amerika Syarikat bukannya dari Uni Soviet tetapi dari perang gerila di Dunia Ketiga.

Sesungguhnya, inilah tugas para komando Green Beret yang dikehendaki menyerap ke kawasan musuh untuk menyerang dan merosak. Tetapi peranan mereka yang biasa ialah melatihkan tentera kerajaan dalam perang gerila. Kini, Green Beret sedang mengajar tentera El Salvador memburu musuhnya dan di Honduras, mereka sedang melatih kumpulan pemberontak dari Nicaragua.

Keputusan Pentadbiran Reagan untuk menambahkan pasukan gerak khas seperti Green Beret, telah tidak dibangunkan oleh ahli-ahli Konggres Amerika. Ini akan menggalakkan Washington bertindak secara sulit di merata-rata dunia.



Israel Membunuh Bashir Gemayel?

Kemungkinan besarnya Bashir Gemayel telah dibunuh oleh pihak Israel. Keadaan pada waktu pembunuhan itu patut diambil kira: antaranya perletakan satu bom yang besar di dalam bangunan yang dikawal rapi oleh askar Israel dalam kawasan yang dikuasai oleh tentara Israel.

Sebab utamanya adalah kerana Bashir telah mula membebaskan dirinya dari Menachem Begin. Kerajaan Zionis telah membantunya dalam perang saudara 1975-1976 dengan harapan ia akan menjadi pemimpin Lubnan yang menyokong Israel.

Bashir rela berpaktat dengan Zionis bagi mengepung PLO di Beirut, dan seterusnya mengusir semua rakyat Palestin dari Lubnan.

Namun begitu, Bashir juga dilamar oleh Washington, yang mencari satu penyelesaian di Lubnan yang berlainan dari rancangan Begin. Amerika Syarikat mahukan seorang pemimpin kuat yang sanggup menolak kehadiran sebarang tentera asing, khasnya PLO dan Syria. Maka, nyatahalah, ini lebih menarik kepada beliau dari terang-terang menjadi boneka Zionis, di mana Lubnan ditakluki oleh Israel secara tidak langsung.

Hasrat Bashir Gemayel selari dengan matlamat Washington. Beliau telah melawat A.S. pada Julai 1981 dan berjaya menyakinkan tokoh-tokoh Rumah Putih bahawa beliaulah orangnya yang sanggup melaksanakan tujuan mereka.

Selanjutnya, badan perisik Amerika, CIA, telah berhubung dengannya melalui seorang pemimpin Falangi, Elie Hobeika, musuh ketat PLO, yang juga berhubung dengan badan perisik Israel, Mossad. Akhirnya, tugas menasihat Bashir Gemayel diambil-alih oleh Duta Khas A.S., Philip Habib.

Lama-kelamaan, Bashir lebih bergantung kepada Habib dan menjauahkan dirinya dari Begin. Tidak hairanlah, selepas pengunduran PLO dari Beirut, beliau tidak menyambut cadangan Begin supaya Lubnan mengadakan satu perjanjian persahabatan dengan Israel.

Malah, Bashir enggan mengarah tentera Falangi memasuki kem Palestin supaya mencari saki-baki gerila PLO, seperti yang dikehendaki oleh Ariel Sharon. Sebaliknya, beliau menyuarakan hasratnya agar rakyat Lubnan yang berbilang agama dapat bersatu dan bermuafakat.

Haddad Jadi Boneka

Kegagalan ini telah mendorong Begin dan Sharon memberi peranan utama kepada Major Haddad, seorang rakyat Lubnan yang menjadi boneka Zionis di Lubnan Selatan.

Tentera Haddad telah di-

bawa ke Beirut oleh tentera Israel bagi memburu gerila PLO. Seorang doktor dari Singapura yang bertugas di Beirut semasa pembunuhan beramai itu berkata bahawa pembunuhan-pembunuhan bukannya dari puak Falangi walau pun mereka menyamar sebagai golongan Kristian.

Seterusnya, beliau membuat kesimpulan bahawa sejapa yang merancangkan pembunuhan beramai itu bertujuan memecah-belahkan orang Islam dari orang Kristian. Pendapat ini selari dengan cita-cita begin setelah Bashir Gemayel berpaling tadih.

Perlantikan Amin Gemayel tentu memuaskan Washington sebab beliau berazam akan menyatupadukan masyarakat Lubnan seperti dikehendaki oleh A.S. Kini tentera Lubnan sedang mengumpul senjata-senjata di kawasan orang Islam.

Ramai pihak sangsi tindakan kerajaan baru samaada ia bercadang menekan orang Palestin hingga mereka meninggalkan Beirut. Perkembangan selanjutnya tidak dapat dipastikan.

Pemimpin Jepun & Jerman Tumbang



West German Chancellor Helmut Schmidt addressing the German parliament Sept. 8.

Kemelesetan dalam bidang ekonomi telah menjadikan kedudukan dua orang pemimpin negara perusahaan yang paling kukuh sekali. Kerajaan Helmut Schmidt di Jerman Barat telah diguling setelah parlimen meluluskan suatu resolusi tidak-yakin. Kekalahan ini disebabkan sebuah parti campuran meninggalkan kerajannya.

Kedua-dua negara kaya ini, yang terkenal sebagai negara perusahaan yang kukuh, sedang mengalami pertumbuhan ekonomi yang lembab. Jerman Barat menghadapi kadar pengangguran setinggi 7.4%, suatu angka yang paling tinggi semenjak 30 tahun dulu.

Bersamaan itu, pengeluaran industri telah merosot dan jajala syarikat bengkrap telah merebak, dengan termasuk se-

buah syarikat gergasi, AEG-Telefunken.

Mangsa yang kedua ialah Perdana Menteri Jepun, Zenko Suzuki. Beliau telah menarik diri dari jawatan ketua parti, yang dengan tersendirinya juga melepaskan jawatan kerajaan itu. Tindakan beliau berpuncu daripada beberapa puak dalam parti pemerintah yang saling bercanggah dan bermusuhan mengenai dasar-dasar ekonomi.

Begitu juga, di Jepun, pertumbuhan ekonomi hampir beku, kadar pengangguran mencapai peringkat tertinggi semenjak 26 tahun dahulu, dan kekurangan dalam belanjaan dijangka akan berlipat ganda pada masa depan. Suzuki telah menarik diri setelah kabinetnya telah meluluskan AS\$7.4 bilion untuk menggerakkan ekonomi semula.

Politik Jerman Barat Berubah

Kerajaan Helmut Schmidt digulingkan setelah kalah dalam parlimen Jerman Barat sebanyak 21 undi. Kejatuhanya disebabkan oleh bekas parti bersekutunya, Parti Demokratik Bebas (PDB) yang telah meninggalkan kerajaan campuran yang diketuai oleh Parti Demokratik Sosial (PDS) Helmut Schmidt.

PDB telah berpaling tadih oleh kerana kemerosotan sokongan orang ramai kepada kerajaan amnya, dan PDB khasnya, apabila gagal mengatasi masalah ekonomi.

PDB mahukan kerajaan melaksanakan dasar belanjaan ala Reagan, iaitu memotong perbelanjaan sosial lebih dari \$1 billion. PDS enggan berbuat demikian; ekonomi Jerman Barat terus meleset dan sokongan rakyat kepada PDB kian merosot.

Kerajaan campuran baru yang lebih kanan dipimpin oleh Helmut Kohl dari Parti Demokratik Kristian (PDK). Di sebelah kirinya ialah PDB dan di sebelah kanannya ialah Parti Sosial Kristian (PSK), yang saling memusuhi satu

sama lain.

Bagaimanapun Helmut Kohl berjanji akan mengekalkan dasar luar negeri kerajaan lama seperti penempatan senjata nuklear NATO di Jerman Barat dan pembinaan paip gas dari Uni Soviet. Akan tetapi, dasar ekonomi baru belum lagi dapat diketahui.

Kemerosotan PDB tidak bertukar meskipun ia telah meninggalkan kerajaan Schmidt. Malahan, ia telah kalah dengan teruknya dalam satu pilihanraya tempatan di wilayah Hesse dengan mendapat undi sebanyak 3.2% saja.

Pemimpin PDB mendesak Helmut Kohl supaya menangguhkan pilihanraya umum yang dijadualkan pada Mac 1983, tetapi rayuan ini tidak dihiraukan.

Schmidt masih ada peluang untuk mengambil alih kuasa dalam pilihanraya kelak jika ia berjaya mengadakan ikatan politik dengan Parti Hijau.

Parti ini memperjuangkan alam sekitar yang lebih bersih dan sokongan orang ramai kepadanya sedang meningkat hingga ia berjaya mengambil tempat keempat dalam peraturan politik Jerman Barat.

Pergolakan Poland

Berterusan

Pergolakan sosial telah meletus di Poland lanjutan dari keputusan kerajaan untuk mengharamkan garakan sekerja Solidaritas. Langkah ini, yang diluluskan oleh parlimen pada 8 Oktober, mengharamkan semua kesatuan-kesatuan sekerja yang wujud sekarang, termasuk Solidaritas dan kesatuan-kesatuan pekerja yang ditubuhkan oleh parti pemerkirat sebelum Solidaritas lahir.

Akta ini mencadangkan penubuhan kesatuan-kesatuan baru yang terhad di peringkat kilang-kilang sahaja. Kesatuan-kesatuan ini boleh hidup bebas dari kerajaan dan parti komunis. Namun, ia tidak dibenarkan bergabung di peringkat wilayah, walaupun hak mogok dijamin.


Selain itu, kegiatan politik, seperti melobi dasar ekonomi dan mogok sokongan dan per-

paduan, tidak dibenarkan. Setiap kesatuan hanya akan dibenarkan melayan isu-isu yang berkait dengan hal setempat kerja sahaja.

Pekerja-pekerja dalam perkhidmatan kesihatan, radio, televisyen, bank, proses pemakanan dan pengedaran, paip gas dan lain sektor yang strategik dilarang bermogok.

Kaum pekerja Poland tidak menerima tekanan baru ini; justeru ramai pemimpin Solidaritas telah menyeru agar para anggotanya bertindak memulai kesatuan-kesatuan baru dan melancarkan mogok seluruh negara sehingga akta itu dirombakkan.

Selanjutnya, beribu-ribu pekerja di Limbung Kapal Lenen di Gdansk dan lain-lain bandar telah melancarkan satu mogok yang paling militan dalam sejarah Poland.



NYAMUK SERANG LAGI! MALARIA MENDAHULUI DENGKI DI KELANTAN

Penyakit malaria menyebabkan 8 kematian di Kelantan pada penghujung bulan September - tambahan empat kali-ganda dari jumlah kematian tahun lalu dan dua kali ganda jumlah kematian dengan negeri Kelantan. Kelantan menjadi negeri yang mengalami serangan yang paling buruk kerana angka ini adalah hampir setengah dari jumlah bagi seluruh negara.

Ramai orang bertanya mengapa bahaya dengan masih diutamakan, sedangkan malaria sedang merebak semula, terutama sekali di kawasan-kawasan dekat sempadan.

Apakah kerana dengan mengancam semua orang bandar, sedangkan malaria masih hanya dialami oleh penduduk desa saja.

'ECHO' BENGKERAP

Akbar National Echo berasal dari Pulau Pinang 64 tahun dahulu. Pada tahun 1975, ia telah berpindah ke ibunegara dan menukar bentuknya kepada saiz tabloid.

Dari sebuah perusahaan yang beruntung langkah ini telah menjadikannya sebuah akbar yang mengalami kerugian. Pengedarannya yang mencapai puncak 35,000 naskah pada awal 1970an di bahagian utara Malaysia tidak dapat menyaingi akbar-akbar Inggeris lain di peringkat kebangsaan.

Akibatnya, akbar itu telah bertukar-milik beberapa kali sehingga tahun 1980 apabila satu kumpulan di bawah naungan tokoh MCA K.L., T.B. Tan Koon Swan telah memperolehi kuasa. Naib Presiden MCA, Encik Tan, seorang pernah menafikan penglibatannya yang mendalam dan menyeluruh walaupun ia mengakui bahawa Echo telah menambahkan modal sebanyak \$2 juta lagi.

Bagi menambahkan mutu dan bilangan pembacanya, National Echo telah menawar gaji yang lumayan kepada para pemberita; ini telah menyebabkan ramai pemberita meninggalkan akbar lain. Pada suatu ketika, suarat kabar itu telah menyatakan banyak ucapan Encik Tan, tetapi ini tidak berlaku lagi.

Bagaimanapun, kedudukan Echo tidak dapat maju oleh kerana kemelesetan ekonomi dan kekurangan pelanggan iklan. Pengedarannya sebanyak 10,000 naskah 2 tahun dahulu - telah jatuh kepada 4,000 sahaja. Bilangan halamanya telah dikurangkan kepada separuh, iaitu 16 muka, dan bahagian ikannya hanya mengandungi iklan filem di pagawam.

Ramai pemberita juga telah meninggalkan Echo akibat pembayaran gaji lambat dan masa depan yang tidak tentu. Wartawan bahagian perniagaan tinggal seorang sahaja dari jumlah 10 orang dahulu, dan pada keseluruhannya, tenaga pemberita tidak melebihi 12 orang.

Sebaliknya, hutang Echo telah meningkat kepada \$15 juta dan Bank Bumiputra telah mengenakan tindakan mahkamah kepadanya. Jika Echo tidak bengkerap, beberapa jalanan terbuka kepadanya.

Pertama, mungkin Encik Tan akan mengambil alih sepenulnya dan mengadakan satu rombakan besar. Kedua, terdapat ramai orang yang ingin membelinya, termasuk Parti Berjaya Sabah. Permit cetak Echo adalah suatu benda yang amat berguna kepada ahli-ahli politik.

JAPAN AFTER SUZUKI

Many people here find it hard to believe that the ministers now vying for the leadership of the ruling Liberal Democratic Party - and ultimately the office of Prime Minister vacated next month by Mr Suzuki - really represent them.

In opinion polls the percentage of working people distrustful of Liberal Democratic politicians generally nudges 80: Left and "patriotic Right" both lament the venality of those in government.

Yet the Liberal Democrats consistently keep their parliamentary majority, partly because of the way constituency boundaries are drawn, partly because of the perpetual motion of the patronage system, and partly because the Opposition parties do not present a convincing alternative.

The country's apparent managers who are now indulging in deadly jousting for the leadership - leaving the bureaucrats to run the country - are more or less interchangeable. They are distinguished not by differences of principle but by the wealth - and hence manpower - of their factions within the ruling party.

This means that success or failure depends to a large degree on how they are regarded by the former Prime Minister, Mr Kakuei Tanaka, an adept fund-raiser who commands the support of most MPs and has a seemingly bottomless campaign chest.

Mr Tanaka - on paper no longer a member of the ruling party since he fell from grace - is backing Mr Yasuhiro Nakasone, head of the Administrative Management Agency. This somewhat blights the hopes of the other three contenders: Mr Toshio Komoto, head of the Economic Planning Agency, the International Trade and Industry Minister, Mr Shintaro Abe, and Mr Ichiro Nakagawa, head of the Science and Technology Agency.

But it may mean that if another former Prime Minister, Mr Takeo Fukuda, continues a vigorous campaign against Mr Nakasone for being too close to Mr Tanaka, then the successful candidate may instead turn out to be the man least unacceptable to Mr Tanaka.

It may seem surprising that Mr Tanaka, who is on trial for allegedly receiving a 500 million yen bribe while in office to help Lockheed sales, dominates the battlefield.

As a puzzled man asked in a newspaper letters column recently: "Is there any other democratic country in the world in which a defendant in a criminal case who has no party membership can have such an influence on the party, and the party itself approves his influence?" (Yes, Malaysia)


It is important to recall that since Mr Kodama made financially possible the creation of the Liberal Party (precursor of today's LDP) in 1945, he has been involved in every change of party leadership. When he was thrust into the limelight as a key figure in the Lockheed payoff scandal, his star appeared to be on the wane.

WIVES OF GREAT MEN

The "conjugal dictatorship" of the Philippines, as its people call the regime of President Ferdinand Marcos and his wife Imelda, has had the warm embrace of US President Reagan. The "his and hers" rule had been profitable to the Marcos family. The president and his wife have spent a million dollars refurbishing a luxurious mansion in Long Island in New York State to which they will travel in a seaplane from New York City. That is several time zones away from the foetid slums of Tondo and the waterfront where Manila's workers live, part of the Third World's "wretched of the earth," for whose welfare Marcos pleaded so eloquently in the UN General Assembly. Imelda has been active in slum clearance programmes. Manila has been cleared of some of its slums for her grandiose cultural projects - which, for her, means clearing, but not providing adequate alternative accommodation for the displaced.

Imelda's acquisitive instinct has stimulated Manila wits to ask: "Why is the First Lady an expert in mining?" The answer is "When she sees a flourishing project she invariably says 'This is mine and that is mine'."

Some of the wives of Third World leaders flourish in the authoritative aura of their husbands. President Suharto's wife Tien is known as "Madame Tien per cent". Anwar Sadat's wife grew wealthier while her husband was president.



But Mr Kodama, who like Mr Tanaka is awaiting a verdict in the Lockheed trial, is both immensely rich and believed to still command influence in ruling party circles.

Mr Nakasone, who has denied any part in the Lockheed affair, is regarded as a man of the Right who takes a hawkish stand on the defence issue. He advocated at one stage that Japan should arm itself with nuclear weapons. His reputation suffered from connections with Lockheed defendant Mr Kodama, who wields formidable influence over extreme right-wing groups.

Mr Nakagawa makes no secret of his location in the Far-Right of the LDP. "Call me a fascist if you wish," he once said, "but I believe we have to fight the Opposition parties on the broad educational issue, which includes questions about the Japanese ethos and national morality." To many Japanese this sounds ominously like the ideology of the Thirties and the agony that ended at Hiroshima.

Of the four contestants Mr Komoto is regarded by some as the least hawkish. He is also probably the best qualified, as a former shipping czar of the Suzuki Cabinet, to steer the economy through its difficult patch.

ISRAEL/PALESTINE: NO SETTLEMENT?

The Israeli invasion of Lebanon on 7 June precipitated the latest wave of proposals for the settlement of the Palestinian question, now more than 50 in all. All three - Fez, US and Soviet - demonstrate an urgent desire for a peaceful resolution; none seems any nearer to hitting on a compromise which would satisfy both sides. The Palestinian Liberation Organisation (PLO) has endorsed the Fez proposals and the Soviet recommendations. Israel has rejected all three.

Since the Palestinians first formulated their demands in the Palestinian National Charter of 1968, they have come a long way towards meeting the conditions imposed on them as a pre-requisite to recognition of their claims without abandoning the fundamental issues.

Their most recent statements on the matter indicate they now "recognise" the territorial rights of Israel, and see the future in terms of Palestinian sovereignty over the West Bank and Gaza, alongside a redefined Israeli frontier.

Israel in return recognises neither the sovereign rights of the Palestinians nor the PLO as a representative body.

Israeli intransigence on ceding the sovereignty of the land to the Palestinians in any form - the West Bank and Gaza are an "inalienable" part of Eretz Yisrael, the biblical land of the Jews - continues to frustrate any hope of self-determination for a sovereign Palestinian state.

ESSO UNTUNG LAGI

Esso Malaysia Bhd. telah mencapai kenaikan 40% dalam keuntungan bersih pada separuh tahun yang berakhir pada 30 Jun 1982. Selepas ditolak cukai ke atas petrolium dan pengeluaran ammonia, terdapat pendapatan sebanyak \$31.3 juta baginya.

Encik Gerald F. Cox, pengurus Esso, berkata bahawa ini berhasil daripada keputusan kerajaan untuk menaikkan harga petrol pada 18 April 1981. Selanjutnya, lembaga pengarah Esso telah memutuskan dividen sebanyak 30 sen bagi saham biasa dan 6 sen bagi stok pengurusan, berbanding dengan 25 sen dan 6 sen sebelumnya.

Pada tahun lalu, seorang tokoh parti pembangkang pernah menuduh Esso sedang 'mencuri' minyak dari telaga di Laut Cina Selatan. Beliau mendakwa syarikat itu telah memungut lebih banyak minyak daripada apa yang benarkan oleh Petronas. Berikut dari itu, pengurus Esso Malaysia baru telah dilantik.

ARABS & PALESTINE

We have "supp'd full of horrors" in this century. To pick at random from the chronicle of man's inhumanity to man, the outrages include the massacre of Indians at Jallianwalla Bagh on the orders of General Dyer; Hitler's holocaust of the Jews; Dier Yasin in Palestine; Sharpeville in South Africa; My Lai in Vietnam and now the bloody horrors of West Beirut under Israeli patronage. Television brings the spectacular into the home. Out of sight out of mind are the continuing cruelties. The endemic brutalities against the blacks in South Africa excite not much more than the protests of those who are committed to resist apartheid; the rest of the world, which is stirred by the barbarities in West Beirut, has adjusted itself to living with it.

Lower in the scale of inhumanity, but morally repulsive nevertheless, is the way the Arab states have responded to the desperation of the Palestinians. Their lack of support during the Israeli invasion of Lebanon was only one element of this response.

The 'diaspora' of the Palestinians has been used in the play for power in the Middle East. Egypt used it to legitimise its claim to Arab leadership until Sadat traded that role for a profitable relationship with the US and detached himself from the confrontation with Israel. Syria, though seeming to be more committed to the Palestinian cause, wanted only those Palestinian leaders who could serve President Assad's ambition. Assad was keen to exclude the Soviets from the negotiations, and at one phase of Kissinger's talks in Damascus, Gromyko, who was scheduled to visit the Syrian capital, was kept hovering over the airport until Kissinger's visit had ended. Boumedienne had his own reservations about the Soviets.

"The Soviets are complicated," he told Kissinger. He had no illusions about how far the Soviets would go in their backing of the Arabs. "In general they have a limit which I call the red line. They will not go beyond the red line. It is the line drawn between them and the United States."

Given the ambivalence of both radical and conservative Arab states, the caution of the Soviets and the intransigence of the Israelis, it seems that the Middle East will be hostage to the United States for quite some time.

PANDANG KE TIMUR?

Suruhanjaya Pertukaran Penuntut Malaysia-Amerika (MACFEE) melaporkan bahawa seramai 3,863 penuntut Malaysia telah berlepas ke Amerika Syarikat pada tahun 1981. Ini merupakan pertambahan sebanyak 73% dari angka 2,233 orang pada tahun 1980.

Peranan Media: Menegakkan Kebenaran?

Kami tidak menafikan bahawa NI adalah sebuah majalah yang kritis dan berat sebelah. Kami dengan berterus terang berkata bahawa kami memperjuangkan hak-hak golongan miskin dan nasib mereka.

NI berusaha mencari cara untuk mengurangkan kemiskinan dan ketidakadilan dalam masyarakat.

Sikap berat sebelah bukanlah satu sikap yang luar biasa. Semua media perhubungan zaman ini seperti penerbitan, hiburan, radio, televisyen dan juga sistem pendidikan mempunyai pendirian sendiri yang tersemat mengikut masyarakat umumnya dan pemilik media berkenaan.

Kebenaran, objektiviti dan norma dikatakan matlamat media massa di mana pendiriannya sepautnya sederhana, bukan keterlaluan atau berat sebelah. Dengan perkataan lain, kita tidak digalakkan memihak sebelah kepada kebenaran tetapi bersikap sederhana antara kebenaran dan kesalahan. Mengikut kepentingan pihak berkuasa.

Umpamanya, kini terdapat lebih kurang 55 regim tentera dalam Dunia Ketiga. Jika negara seperti A.S. benar-benar mencintai demokrasi, ia patut bertindak menghapuskan kezaliman ini.

Tetapi sebenarnya dunia bebas, khasnya negara maju Barat, lebih mementingkan peluang perniagaan yang bebas dari kesatuan sekerja, keuntungan yang bebas dari kawalan, maka adalah wajar bagi golongan pelabur di Barat bersikap sederhana terhadap pemerintahan para jeneral. Lainlah dengan negara-negara yang tidak memberi peluang perniagaan bebas kepada pelabur asing.

Maka itu, di waktu para jeneral di Argentina melancarkan keganasan terhadap golongan pekerja dan orang miskin pada tahun 1977, jutan dan bekas naib-Presiden Amerika Syarikat, David Rockefeller menjelaskan kepada suatu perjumpaan pengusaha bank di New York: "Saya merasa yakin bahawa akhirnya Argentina sudah mempunyai suatu pemerintah yang mengamalkan sistem perusahaan bebas."

Salah Fahaman

Kekurangan pemahaman terhadap kepentingan-kepentingan yang wujud sengaja digalakkan di kalangan orang ramai oleh pihak berkuasa. Perlembagaan negara kita, yang berdasarkan model Westminster, adalah dianggap semulajadi dan sah untuk semua golongan masyarakat.

Tetapi Michael Parenti pernah menulis "Dalam setiap masyarakat, kelas yang berkuasa, meskipun golongan penjajah, bangsawan, kapitalis ataupun komuniti mendakwa babua kepentingan kelasnya merupakan kepentingan seluruh negara."

Justeru itu, sering kita terdengar hujah-hujah pemimpin UMNO bahawa Melayu akan timbul tenggelam dengan UMNO, tidak kira kaum bangsawan atau rakyat jelata.

Pihak berkuasa akan menentukan melalui media massa apa yang boleh atau tidak boleh diperkatakan oleh masyarakat. Umpamanya, pembaca disaji berita maksiat di kalangan orang bawah, tetapi tidak mengenai orang atasan.

Media utama, seperti akbar, majalah, buku, filem, televisyen dan radio, tidak mendorong perbincangan secara mendalam, ia hanya menggalakkan orang awam supaya menerima, sebagai biasa sahaja tanpa menyiasat, asal-usulnya; kadangkala kebenaran diputar-belitkan untuk tujuan tertentu.

Misalnya, Dunia Ketiga di gambaran bergantung kepada belas kasihan dunia Barat, tetapi sebaliknya, kekayaan negara maju bergantung kepada harga murah barang dari Dunia Ketiga, seperti minyak, getah, timah, dsb.

Israel disembahkan sebagai negara damai dan PLO sebagai penganas; pihak majikan kyonnya diganggu oleh tunutan kaum buruh yang tamak-haloba dan bukan sebaliknya.

Ekonomi Britain dikatakan merosot kerana tuntutan kesatuan sekerja dan bukan kerana krisis kapitalisme yang sudah lapuk.

Pendapat ini dipegang oleh ramai tokoh meskipun di Jepun, kesatuan sekerja raksasa melancarkan tindakan musim bunga pada tiap-tiap tahun tanpa mengugat ekonomi negara.

Sesungguhnya, kebanyakan penyiaran dan penerbitan di dunia Barat dipunyai dan di kuasai oleh syarikat-syarikat besar. Mereka bertambah kaya dan berkuasa.

Media Massa Bukan Milik Massa

Empayar keluarga Hearst di Amerika Syarikat kini menguasai 12 syarikat akbar, 14 majalah, 3 buah stesyen TV, 6 stesyen radio, sebuah agensi berita, sebuah agensi foto dan lain-lain.

Kumpulan Axel Springer di Jerman Barat menguasai lebih dari 40% akbar dan majalah, dan hampir 80% di Berlin Barat.

Mereka yang menguasai syarikat-syarikat besar adalah pro-status quo. Mereka menyebarkan pandangan mereka di kalangan orang awam melalui penerbitan-penerbitan mereka.

Seperti yang diakui oleh tuanpunya akbar 'Daily Express', Lord Beaverbrook kepada suatu sidang akbar pada tahun 1948, "Tujuan saya pada asalnya adalah untuk menubuhkan satu alat propaganda dan saya tidak pernah menyeleweng dari tujuan itu selama ini."

Seorang tuanpunya akbar lazimnya tidak perlu mengawal pengarang dan wartawan secara langsung sebab mereka dikehendaki menggunakan budibicara sendiri, (ataupun self-censorship). Walaupun para penyunting mempunyai kebebasan yang agak luas, namun mereka boleh disingkir jika perlu.

Seorang pengarang menghadapi risiko jika ia menyeleweng dari pendapat pemilik akharnya. Seorang wartawan juga terdedah kepada tekanan yang sama.

Pengaruh para pengiklan juga tidak boleh dielakkan walaupun kuasa mereka tidak digunakan secara langsung. Pendapatan dari iklan-iklan biasanya merupakan 50% atau lebih dari pendapatan pihak media, jadi media berkenaan jarang akan mengecikakan para pengiklan.

Jika Nadi Insan misalnya mengubahsuai dasar pengarangnya, pendapatannya dari iklan akan bertambah dan harganya boleh dikurangkan lagi. Langkah ini juga boleh menambahkan selera para pembaca melalui sajian perkara-perkara yang remeh-tekeh.


Pengajaran fahaman kyonnya bertentangan dengan pendidikan Barat. Guru-guru sekolah di Barat cuba memberi pendidikan yang kyonnya berkecuali yang menolak pendirian politik yang memihak kepada sesuatu pihak secara terus terang.

Namun, dalam sebuah masyarakat yang mempunyai pertentangan kepentingan, ini bermakna memihak kepada pihak berkuasa. Jika guru-guru tidak mempersoalkan nilai-nilai yang sedia ada, ini bermakna mereka menerima.

Namun, orang ramai sering menyemak semula sikap mereka melalui perbincangan harian di pejabat, kedai kop, dsb. C. Wright Mills menjelaskan kenapa perbincangan harian begitu berkesan: manusia boleh menjawab, walhal di akbar dan radio tidak boleh; pendapat yang kita tidak setuju; orang ramai tidak sebegitulah mudah menerima sebuah pendapat politik dari mana-mana saja.

Kita semua suka berbincang dalam kumpulan-kumpulan sahabat. Pada umumnya, kumpulan begini mempunyai pemimpin-pemimpin pendapat — mereka yang membaca berita dalam media, lalu menggunakan penerangan tersebut untuk menguahkan pendirian masing-masing.

Kepercayaan kami adalah bahwa kebanyakan para pembaca Nadi Insan ada dalam kategori ini dan kami berharap rencana-rencana kami akan digunakan demikian. Itulah sebabnya penerbitan majalah kami bersikap kritis dan berat sebelah kepada kebenaran.



Masalah Akhbar Star

Akhbar Star telah mencapai penjualan 100,000 naskah awal tahun ini, berbanding dengan 46,000 pada Jun 1978. Bagaimanapun, kejayaan ini tidak dapat dipertingkatkan lagi seferusnya sebab mesin-mesin cetaknya tidak mampu.

Star telah memperolehi untung buat pertama kali sejak mengalami kerugian sepanjang 9 tahun sejak ditubuhkan; pada 1980, ia mendapat keuntungan sebanyak \$1.1 juta, dan angka ini dijangka akan kekal pada tahun ini.

Kumpulan New Straits Times Berubah Lagi

Akhbar New Straits Times (NST) ditubuhkan pada tahun 1845 dan berjaya menguasai kebanyakan pembaca Inggeris semenjak itu. Penjualannya telah mencapai puncak baru pada April lalu, sebanyak 206,000 naskah, berbanding dengan 170,000 pada September 1978. Bagaimanapun jumlah ini telah turun sedikit sejak itu.

Keuntungan NST telah meningkat dengan purata 36% setahun dalam 5 tahun yang berakhir pada Ogos 1981. Pada tahun itu, ia memperolehi keuntungan sebanyak \$32 juta, tetapi ini telah jatuh kepada \$15.5 juga dalam 6 bulan yang berikut, disebabkan oleh kejatuhan kos kertas cetak dan upah kakitangan.

Perubahan penting di kalangan lembaga pengarangnya telah bermula pada bulan September lalu. Penerbit NST dimiliki 55.9% oleh Fleet Group, sebuah anak syarikat Fleet Holdings, termasuk juga NST di mana kadar keuntungan telah merosot kebakangan ini. Kebanyakan anak syarikat lain tidak kejatuhan berkembang selama ini.

Daim telah mengurangkan bilangan ahli lembaga pengarang NST dari 7 kepada 4 orang dan telah menggantikan 5 orang lama dengan 2 muka baru; antara mereka yang digugur ialah Tan Sri Sheikh Abdullah, Encik Zakaun Ariff dan Dr. Nordin Sopiee.

Star dimiliki sebanyak 75% oleh kepentingan-kepentingan MCA dan pengaruh urusannya ialah seorang senator MCA. Namun begitu, ia tidak bebas dari tekanan kerajaan; beberapa rencana oleh pemberitanya sebelum pilihanraya umum April 1982 telah disekat oleh setengah pihak.

Pemberita dari Star dilarang masuk Angkasapuri dan RTM dan setengah jabatan kerajaan. Permohonannya untuk mendapatkan satu lesen untuk mengeluarkan akbar Bahasa Malaysia telah ditolak; amalan kerajaan yang suka membuat iklan dalam New Straits Times sahaja juga telah menghadkan pendapat dari sumber ini.

Hutang syarikat Star telah meningkat kepada \$11.2 juta pada Disember 1981. Ramai pegawaiannya berpendapat bahawa banyak lagi pelaburan perlu bagi memperbaiki pentadbiran. Modal tambahan perlu untuk membeli mesin cetak baru bernilai \$8 juta dan tapak bangunan baru di Kuala Lumpur.

Tidak ramai orang sedar bahawa bantuan kewangan dari negara-negara kaya kepada Dunia Ketiga yang miskin adalah satu mitos besar. Sebenarnya, pendapatan dari negara-negara miskin kepada dunia perindustrian jauh melebihi peminahan modal dari negara-negara kaya kepada negara-negara kecil.

Ini berlaku melalui banyak cara, umpamanya, keuntungan syarikat antarabangsa di Dunia Ketiga yang dipindahkan ke negara asal; harga rendah barang-barang utama dari negara miskin berbanding dengan barang-barang buatan dari negara maju; kadar bunga pinjaman tinggi yang dibayar kepada bank-bank antarabangsa atas pinjaman negara miskin dan sebagainya.

Orang-orang baru termasuklah seorang peguam, Azzat Kamaludin dan seorang doktor, Salim Cassim, adik kepada Tan Sri Osman Cassim, bekas ketua setiausaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Mengikut satu sumber, peranan Dr. Nordin Sopiee dijangka akan berkurangan lagi dengan kemasukan semula Samad Ismail, bekas pengarang urusan NST yang telah ditahan di bawah ISA pada 1976-81.

Rombakan ini dikatakan berpuncak dari desakan politik. Dr. Salim adalah kawan rapat Daim dan adik Azzat, Ismail ialah setiausaha politik Datuk Musa Hitam. Nampaknya, dasar NST akan membayangkan hasrat pentadbiran 2M.

Y.B. Daim telah membubar beberapa jawatankuasa supaya ia dapat menghubungi sidang pengarang dengan lebih cepat; sekarang ia menguruskan pentadbiran harian NST secara langsung.

Suatu surat pekeliling baru telah membuat beberapa pertukaran dalam pentadbiran NST. Ia berbunyi, "Segala dasar, termasuk pendirian sidang pengarang, akan ditetapkan oleh sidang Lembaga Pengarang NST setelah dipersejui oleh Lembaga Kumpulan Fleet."

Esok Untuk Siapa?

Bukan Untuk Wanita

Yasmin Salleh

Dalam Filem Esok Untuk Siapa Latif Ibrahim (LI) ditutup dengan Noor Kumalasari (NK) oleh bapanya, seorang Datuk yang memiliki perusahaan batik di Kota Baru. Tetapi, LI menolak pertunangan itu kerana dia telah ada seorang girlfriend, Ogy (Fauziah Ahmad Daud), di Kuala Lumpur.

Oleh itu, Datuk minta anak angkatnya, Jins Shamsuddin (JS), yang sedang menguruskan perusahaan batiknya, supaya mengantikan LI dan berkahwin dengan NK. Malangnya, mereka ditimpakan kemalangan pada malam perkahwinan mereka. Akibatnya, JS lumpuh separuh tubuhnya dari pinggang kebawah.

Kemudian, bila LI balik ke kampung dan berjumpa dengan NK buat kali pertama, dia ingin mengahwininya pula, walaupun dia telah pun berkahwin dengan Ogy setelah ditangkap basah. Dia menujuk NK meninggalkan abang angkatnya dan menyeru kepada JS supaya menceraikannya.

Akhirnya, dia pun dapat apa yang diingininya dan NK berpindah ke Kuala Lumpur sebagai isteri mudanya NK tidak dapat menyesuaikan diri dengan cara hidup LI dan Ogy di Kuala Lumpur, walaupun Ogy akhirnya mesra dengannya.

Pada suatu malam, LI dan Ogy mabuk semasa mengadakan parti. Dalam keadaan mabuk, mereka berdua masuk ke dalam tab mandi dan pasangan air; akhirnya mereka berdua mati lemas dalam tab itu.

NK kemudiannya balik ke rumah JS, tetapi JS telah menjadi gila. Pada akhir filem itu, ibu tulen JS tidak tahan lagi melihat anaknya tersiksa, sehingga membunuhkannya.

Thema: Pembalasan?

Thema filem ini kabur kerana mengandungi terlalu banyak unsur. Walaupun bagaimana pun, nampaknya themanya, jika ada, adalah pembalasan.

Jins cuba menimbulkan isu pembalasan mengikut dua cara: Pertama, LI yang hidup berdosa, sehingga merampas isteri abang angkatnya yang cacaat itu pun, akhirnya mati lemas, akibat cara hidup liar itu. Kedua, JS, yang telah bersumpah tidak akan kahwin lagi apabila isteri pertamanya mati, ditimpakan kemalangan apabila dia berkahwin dengan N; "dimakan sumpahnya"

Konsep pembalasan Jins adalah konsep yang kabur. Ia tidak diterangkan secara rasional ataupun secara saintifik lagipun, cara Jins menyampaikannya tidak berkesan.

kerana kejadian-kejadian terlalu banyak dalam filem itu yang merupakan kebetulan.

Masyarakat Atas

Satu aspek dalam filem ini yang menarik perhatian adalah kemererosotan akhlak dalam kehidupan orang kaya. Gambaran ini disampaikan melalui watak LI.

Apa sahaja yang diingininya, didapatinya. Walaupun abang angkatnya lumpuh dan memerlukan penjagaan dan perhatian isterinya, dia masih menggugatkan perkahwinan mereka dengan alasan yang lemah, iaitu bahawa isteri abangnya itu pernah menjadi tunangnya pada suatu ketika dahulu.

Filem ini juga mencerminkan kedudukan wanita dalam masyarakat. Walaupun Ogy seorang wanita yang moden, tetapi dia tidak boleh membuat apa-apa pun apabila dia diperintahkan oleh suaminya.

NK pula langsung tidak tahu bahawa LI sudah mempunyai isteri apabila dia mengahwininya. Kedua perempuan ini tidak terdaya mengambil tindakan atas perbuatan suami mereka yang tidak jujur itu.

Stereotaip

Watak-watak dalam filem ini, terutamanya watak-watak

perempuan, terlalu stereotaip. NK merupakan lambang kemurniaan: dia sentiasa mengorbankan diri untuk kepentingan orang lain. Misalan, dia adalah anak yang patuh kepada ibu-bapanya dan sanggup ditunangkan dengan LI, walaupun mencintai orang lain.

Selepas berkahwin dengan JS, dia menjadi isteri yang taat kepada dia walaupun dia lumpuh setengah badan. Menurut imej wanita baik yang biasa, NK adalah mangsa keadaan yang tragik dan tidak mampu menguasai atau mengubah kehidupannya sendiri.

Ogy pula adalah Stereotaip wanita jahat yang sesat jalan; Kelakuannya moden dan akhlaknya rendah. Walaupun begitu, dia tidak berdikari dan terus bergantung kepada ayah dan suaminya untuk panduan.

Di sini, kita boleh lihat bahawa ciri-ciri tradisional seorang wanita digambarkan sebagai baik, sedangkan ciri-ciri moden digambarkan sebagai buruk. Ini adalah merbahaya kerana anggapan seperti ini tidak selalunya betul.

Ogy, pada mulanya, bertentangan dengan NK. Ini boleh difahami. Tetapi akhirnya, mereka bermesra, kononnya atas alasan bahawa NK pernah menjadi tunang LI pada suatu masa dahulu. Ini sangat sukar diterima akal.

Adegan akhir yang menunjukkan pemburuan JS oleh ibunya merupakan suatu adegan yang berani. Mungkin ia akan menimbulkan perdebatan mengenai salah betul perbauan seperti ini.



Peniaga dan Perniagaan

Melayu: Satu Kajian

Di Kota Baru, Kelantan

**Mohd. Fauzi Hj. Yaacob.
Dewan Bahasa dan Pustaka
(1981) \$13.50
Balaetham K.**

Kajian ini diusahakan oleh Fauzi Haji Yaacob yang bertugas kini sebagai Timbalan Dekan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial di Universiti Melayu. Adalah wajar untuk meneliti kejayaan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan, antara lain, melahirkan suatu kelas pengusaha Melayu. Justeru, suatu kajian menyeluruh di peringkat ini tidak patut diabaikan.

Malangnya, Fauzi Hj. Yaacob — berlainan dari Popeno (1970) atau Charlesworth (1974) tidak mengeluarkan apa-apa keterangan yang berguna mengenai bagaimana peniaga-peniaga Melayu bergerak.

Ia tidak juga memberi analisa yang meyakinkan tentang kenapa banyak perusahaan-perusahaan Bumiputra gagal mencapai tujuan yang dikehendaki. Siasatan ini berdasarkan pada wawancara yang dilakukan di kalangan 186 orang peniaga Melayu di Kota Baru. Pilihan Kota Baru akan menarik minat pembaca kerana orang-orang Kelantan sering dikatakan pandai berniaga.

Adalah Fauzi menyingsing rahsia di sebaliknya? Jika benar orang Kelantan mempunyai bakat berniaga, mengapa begini? Soalan ini tidak menerima perhatian yang memuaskan walaupun di permulaan buku ini, penulisnya berjanji akan mengajarnya secara mendalam.

Apa lagi yang terkandung dalam buku ini? Suatu gambaran yang terperinci mengenai peniaga-peniaga Kota Baru di samping penjelasan yang panjang tentang jenis-jenis perniagaan.

Bertentangan dengan pendapat umum, kajian ini menunjukkan peranan kaum wanita Kelantan dalam bidang perdagangan adalah terbatas kepada pengurusan gerai-gerai pasar dan lain-lain perniagaan kecil. Penyertaan mereka dalam perniagaan lebih besar amatlah terhad.

Menurut siasatan Fauzi, kebanyakannya peniaga Kota Baru adalah lelaki pertengahan umur yang mempunyai sedikit sebanyak didikan sekolah, kecuali 5 orang keluaran universiti.

Pada amnya, mereka yang berpelajaran tinggi memilih bidang perniagaan untuk meningkatkan kedudukan sosial, walhal mereka yang berpelajaran rendah mendapat bahawa peluang mereka memasuki kerajaan telah tertutup.

Penyelidikan Fauzi menyentujit siasatan-siasatan lain bahawa kegagalan banyak perusahaan Melayu disebabkan terlalu ramai peniaga dalam se suatu sektor tertentu. Sebanyak 34.5% dari yunit yang dikaji terlibat dengan kedai-kedai runcit kecil atau jahitan.

Yang agak menarik ialah hakikat bahawa perniagaan-peniagaan ini (iaitu runcit dan jahitan) serta perusahaan tradisional, seperti percetakan batik dan pengeluaran barang-barang perak dan loyang, biasanya adalah perusahaan-perusahaan kecil.

Dalam satu bab yang menarik perhatian, penulis cuba mengesankan kemajuan yang dicapai oleh pertubuhan-pertubuhan perniagaan itu sejak permulaan mereka. Kerana maklumat yang berkaitan sukar didapati, kemajuan yunit-unit itu telah dihitung dengan ukuran modal tambahan yang digunakan.

Dengan cara demikian, kemajuan yang dicapai oleh 186 buah yunit-unit yang dikaji nampaknya meyakinkan. Pada permulaannya, 81.7% buah yunit telah dimasukkan ke dalam bahagian yang dianggap kecil, tetapi pada masa kajian ini dibuat, hanya 40.3% saja dikelaskan sebagai kecil.

Sumbangan kajian ini adalah dari segi butir-butir dan angka-angka yang terperinci. Kelemahan yang nyata ialah kekurangan pandangan dan cadangan si penulis mengenai tajuknya dan ini adalah mengeciwakan.

Ide-ide bukanlah keistimewaan Fauzi. Bila ia mencuba, ia gagal. Cadangan-cadangan tentang pembentukan satu kelas pengusaha Melayu adalah terlalu mudah untuk diterima.



Wanita Ditembak Mati: Penternak Ayam, Pekebun Sayur Diusir.

Seorang wanita telah di tembak mati oleh seorang polis di estet Thean Teik itu — yang kebanyakannya terdiri dari orang Cina, walaupun terdapat beberapa keluarga Melayu dan India — telah mengusahakan kawasan seluas 150 Hektar itu bertahun-tahun.

Seorang pekebun lain cedera parah dalam peristiwa itu apabila anggota pasukan polis berkenaan telah menembak 3 bida peluru apabila diserang oleh beberapa orang penduduk setelah pihak polis telah cuba melindungi pekerja Farlim yang telah cuba meroboh keranjang ayam penduduk berkenaan.

Lebih kurang 400 keluarga di estet Thean Teik itu — yang kebanyakannya terdiri dari orang Cina, walaupun terdapat beberapa keluarga Melayu dan India — telah mengusahakan kawasan seluas 150 Hektar itu bertahun-tahun.

Pada pertengahan tahun 1970an, tuanpunya tanah berkenaan, kongsi Khoo, telah membenarkan syarikat Perumahan Farlim Sdn. Bhd. membina rumah di kawasan itu. Penduduk-penduduk kawasan itu, yang pernah menyamakan tanah berkenaan dari kongsi Khoo itu, enggan berpindah kerana tidak dapat memper-

olehi tanah kebun di mana, tumpat lain. Mereka telah mencatit gandirugi yang memadai supaya mereka dapat mencari nafkah dan sember lain, tetapi tuntutan mereka tidak dipersempit oleh pihak maikan Farlim.

Rayuan mereka ke pihak mahkamah telah ditolak baru-baru ini; tidak lama kemudian, pihak Farlim telah hantar pekerja-pekerja untuk merenangkan tanah berkenaan dan kematian Puan Tan Siew Lee adalah akibat dari pencerobohan tanah kebun oleh pihak pemaju, yang dilindungi oleh pihak polis.

Setelah peristiwa berkenaan, pengarah urusan Farlim, Encik Lim Gaik Tong telah mengumumkan bahawa kerja merobohkan sangkar ayam akan digantung sementara. Syarikat Farlim sedang mengupah beberapa orang pengawal Melayu yang dibuang negeri dari luar Pulau Pinang.

Peristiwa ini, yang tidak berpunca dari apa-apa masalah perhauman, akhirnya dijadikan masalah yang berbaru kaum dengan penglibatan pengawal Melayu, pihak polis serta parti-parti politik Cina yang cuba merebut peluang ini untuk memperluaskan pengaruh dan sokongan masing-masing.